



MAIWP

LAPORAN

TAHUNAN MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN

20
22

MEMACU
KEGEMILANGAN
UMMAH





**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
DKP., DKM., DK., DMN., SSAP., SIMP., DK.(TERENGGANU), DK.(JOHOR), SPMJ., DKMB.(BRUNEI),
DK.(KEDAH), DK.(PERLIS), DK.(PERAK), DK.(SELANGOR).**

KANDUNGAN

- 01 LATAR BELAKANG
- 08 LAPORAN PENERUSI
- 14 LAPORAN SETIAUSAHA MAIWP
- 30 LAPORAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- 86 BARISAN PENGURUSAN
- 90 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
- 186 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN



Ilustrasi menara MAIWP menjadi tema laporan pada kali ini. Konsep yang ringkas tetapi penuh dengan semangat. Berlatarkan warna merah yang menjadi warna asas kepada MAIWP, warna yang melambangkan semangat yang tinggi dan jitu dalam memberikan yang terbaik kepada masyarakat wilayah persekutuan.

Semoga tahun-tahun mendatang, MAIWP kekal menjadi kekuatan masyarakat Islam wilayah persekutuan di dalam memberikan bantuan dan dorongan dalam kehidupan seharian.

LATAR BELAKANG

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”

VISI

Peneraju kesejahteraan ummah secara holistik melalui pendekatan lestari

MISI

Mengupayakan pembangunan ekosistem islamik dan sosioekonomi ummah yang strategik

SLOGAN

**Memacu
Kegemilangan
Ummah**

OBJEKTIF

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkarannya dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

STRATEGI

1. Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
2. Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
3. Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
4. Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
5. Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
6. Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
7. Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
8. Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

NILAI KEBERSAMAAN

MAHABBAH

Budaya kasih sayang sebagai sebuah keluarga, mesra pelanggan dan sikap penuh empati akan menjadi iklim di MAIWP selari dengan teras perkhidmatan utama untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada ummah.

AMANAH

Kami menjunjung tinggi tanggungjawab ummah dan menunaikannya dengan penuh rasa keinsafan.

INTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh berintegriti menjadi etika dan tunjang kesungguhan keluarga MAIWP.

WAWASAN


MAIWP berwawasan untuk menjayakan agenda pembangunan negara sekaligus berpandangan jauh bagi mencapai matlamat penting kerajaan dan organisasi.

PRIHATIN

Kami prihatin dan peka dengan persekitaran dan masalah ummah.



CARTA ORGANISASI



LAPORAN PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR



Assalamualaikum W.B.T.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para ulama’.

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T serta Menjunjung Kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah yang telah berkenan melantik saya sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi sesi 2021 hingga 2024. Tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini akan dilaksanakan dengan telus dan penuh integriti demi kebaikan dan kemaslahatan umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

“Empowering & Enterprising”

Menyingskap lembaran tahun 2022, pencapaian MAIWP terus diukur dengan mencipta pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2022. MAIWP telah melancarkan Pelan Strategik MAIWP 2021-2025 dengan tema “*Empowering & Enterprising*”. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al- Musta’in Billah pada 23 Jun 2023.

Pelan Strategik MAIWP ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen MAIWP dalam merencana aktiviti pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun.

Tema “*Empowering*” dipilih dengan semangat untuk memperkasa dan memberdayakan segala sumber dan kekuatan yang ada dalam mendepani cabaran mendatang.

Manakala tema “*Enterprising*” pula menggambarkan anjakan paradigma yang perlu diterapkan oleh MAIWP sebagai sebuah agensi kerajaan tetapi dengan pengurusan dan budaya kerja sebuah badan korporat.

Pelan Strategik ini akan digerakkan melalui 6 teras strategik utama, 26 strategi, 63 inisiatif dan 26 indikator utama yang akan dipantau secara berterusan.

Selain itu, penglibatan bersama di antara MAIWP dan anak syarikat MAIWP diteruskan dalam memastikan titik kejayaan itu dapat dihasilkan bersama. Pelbagai program dan aktiviti telah ditambah baik demi memastikan kemaslahatan masyarakat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan ini terus dipelihara.

6 TERAS STRATEGIK UTAMA

26 STRATEGI

63 INISIATIF

26 INDIKATOR

PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, MAIWP pada tahun 2022 telah mencatatkan pendapatan kumpulan sebanyak **RM 1,356,481,690**.

III PERATUSAN JENIS PENDAPATAN MAIWP & KUMPULAN

	2021 JUMLAH (RM)		2022 JUMLAH (RM)	
Kutipan Zakat	821,669,495	68.04%	930,551,372	68.60%
Hasil zakat amil	146,805,405	12.16%	135,773,135	10.01%
Wakaf am	696,505	0.06%	1,940,810	0.14%
Geran	27,331,900	2.26%	34,242,848	2.52%
Sewa	3,589,297	0.30%	5,279,701	0.39%
Pelaburan	15,193,915	1.26%	16,747,097	1.23%
Yuran Pengajian	25,770,981	2.13%	16,354,647	1.21%
Syarikat	123,889,155	10.26%	135,468,217	9.99%
Lain-lain	42,639,624	3.53%	80,123,863	5.91%
JUMLAH	1,207,586,277	100%	1,356,481,690	100%

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 1,249,101,187** telah dibelanjakan meliputi pengagihan zakat, pengurusan dan lain-lain lagi.

III PERATUSAN JENIS PERBELANJAAN MAIWP & KUMPULAN

	2021 JUMLAH (RM)		2022 JUMLAH (RM)	
Pengagihan zakat	705,558,744	65.14%	827,962,199	66.28%
Penyelenggaraan Bangunan	3,400,796	0.31%	4,134,412	0.33%
Inventori	61,160,049	5.65%	63,924,857	5.12%
Kos Tenaga Pengajar & Perunding Perubatan	43,857,812	4.05%	48,148,449	3.85%
Kakitangan dan Pengurusan	207,828,288	19.19%	229,354,206	18.36%
Lain-lain	61,305,132	5.66%	75,577,064	6.05%
JUMLAH	1,083,110,821	100%	1,249,101,187	100%

III PERATUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

	2021 JUMLAH (RM)	2022 JUMLAH (RM)	2022 PENINGKATAN
KUTIPAN ZAKAT	823,579,026	932,217,332	13.19%
AGIHAN ZAKAT	745,551,533	885,431,081	18.76%



Pengurusan Kewangan Yang Cekap

Memasuki tahun 2022, MAIWP telah berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang cekap dan telus dan ini dibuktikan dengan pencapaian menerima sijil audit bersih bagi Penyata Kewangan sejak tahun 2006.

Syarikat Milik MAIWP

Sehingga tahun 2022, MAIWP telah melabur sebanyak RM64.803 juta dalam bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 8 syarikat milik penuh MAIWP.

Modal berbayar = RM64,803,000

Keuntungan sebelum cukai & zakat 2022 = RM6,737,890

PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

MAIWP sehingga kini mempunyai 6 buah syarikat dan 1 yayasan iaitu:

1. Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.
2. Hartasuci Sdn. Bhd.
3. Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd.
4. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.
5. MAIWP Dagang Sdn. Bhd.
6. MAIWP Healthcare Sdn Bhd.
7. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan



PENGHARGAAN

Sebagai sebuah agensi yang bernaung di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MAIWP akan terus menjunjung amanah dalam merencanakan agenda pembangunan ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Organisasi MAIWP dari sudut pandang 360 darjah, ianya sebuah organisasi yang sukar didefinisikan tetapi dilihat dari segi kerja, aktiviti serta ekspektasi masyarakat, terzahir dan terselit peranan dan tugas yang ketara dan dapat dilihat.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang sentiasa memberikan panduan dan sokongan dalam membentuk MAIWP menjadi sebuah agensi pengurusan Islam yang sentiasa dicontohi.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi sanjungan kepada semua pimpinan barisan Ahli MAIWP atas sumbangan buah fikiran, pedoman dan panduan yang diberikan. Tidak lupa juga, disampaikan penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MAIWP, yang sentiasa memberikan khidmat bakti, nasihat dan tunjuk ajar membawa MAIWP ke arah yang lebih cemerlang.

Ucapan penghargaan juga seharusnya diberikan kepada penggerak sebenar aktiviti dan program iaitu keluarga MAIWP itu sendiri yang sentiasa komited menunaikan tanggungjawab dan amanah melaksanakan tugas demi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini. Sekian.

TAN SRI DR MOHD DAUD BAKAR
Pengerusi MAIWP

LAPORAN SETIAUSAHA MAIWP

YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL



KEAHLIAN

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



TIMBALAN PENERUSI



YBHG. DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
(Tamat pada 21 Mac 2022)



**YBHG. DATUK HAJAH HAKIMAH
BINTI MOHD YUSOFF**
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
(Mula pada 12 Mei 2022)

PENERUSI

YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

AHLI



**YBHG. TAN SRI IDRUS
BIN HARUN**
Peguam Negara Malaysia
(Tamat pada 14 Mac 2022)



**YBHG. DATO' ANAS
BIN AHMAD ZAKIE**
Ketua Bahagian Syariah
dan Pengharmonian
Undang-Undang
Jabatan Peguam Negara
(Mula pada 15 Mac 2022)



**YBHG. DATUK SERI JAMIL
BIN RAKON**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
(Tamat pada 14 April 2022)



**YBHG. DATUK SERI SOLLEHUDDIN
ALYUBI BIN ZAKARIA**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
(Mula pada 24 Mei 2022)



**YBHG. DATO' AZMI
BIN ABU KASSIM**
Ketua Polis Kuala Lumpur



**SAHIBUS SAMAAH DATUK DR.
LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH**
Mufti Wilayah Persekutuan



**YBHG. DATUK SERI TPR.
HJ. MAHADI BIN C. NGAH**
Datuk Bandar Kuala Lumpur



**YAA DATO' SETIA DR. HJ
MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**
Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah
(Tamat pada 4 Disember 2022)



**YBHG. TAN SRI DR.
SULAIMAN BIN MAHBOB**



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SYED ZAINAL ABIDIN BIN
SYED MOHAMED TAHIR**



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR.
ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN**



**YBHG. DATUK RAMELI
BIN MUSA**



**YBHG. DATUK DR. MOHD GHAZALI
BIN MD. NOOR**



**YBHG. DATUK HAJI ANWARI
BIN SURI**
Mantan Timbalan
Ketua Audit Negara



**YBHG. DATO' MOHD ZAFIR
BIN IBRAHIM**
Setiausaha
Bahagian Pengurusan Strategik
Badan Berkanun
Kementerian Kewangan Malaysia



**YBHG. DATUK ABDUL RAHMAN
PUTRA BIN DATO' TAHA**
Penasihat Undang-Undang
Istana Negara



**YBHG. DATUK SERI HAJAH
ROSIDA BINTI JAAFAR**
Ketua Pengarah
Jabatan Wilayah Persekutuan



**YBHG. DATUK PROF. DR.
SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ**



**YBRS. PROF. MADYA DATO'
DR. MOHD FARID RAVI
BIN ABDULLAH**



**YBRS. PROF. DR. MOHD ROSLAN
BIN MOHD NOR**
Ketua Jabatan
Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



**YM. PROF DR. ENSKU RABIAH
ADAWIAH BINTI ENSKU ALI**
Pensyarah
Institut Perbankan
Islam & Kewangan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



YBRS. DR. YUSRI BIN MOHAMAD
Mantan Yang Dipertua
Yayasan Dakwah
Islamiah Malaysia



**YBRS. TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN
BIN SHAIK ZAKARIA**



Setiausaha MAIWP
**YBHG. DATUK HAJI
MOHD AJIB BIN ISMAIL**
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah
Persekutuan



Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

**YBRS. ENCIK MOHD NIZAM
BIN HAJI YAHYA**

Seksyen 22 (4) , Akta 505 menyebut:

“Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.”

Seksyen 17, Akta 505 pula menyebut:

”Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat, adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.”

Pada tahun 2022, Mesyuarat MAIWP telah bersidang sebanyak 9 kali seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-158	27 Januari 2022	18/23
2	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 1/2022	24 Februari 2022	17/23
3	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 2/2022	18 Mac 2022	23/23
4	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-159	25 Mei 2022	22/22
5	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 3/2022	20 Julai 2022	22/23
6	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-160	23 Ogos 2022	17/22
7	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 4/2022	21 September 2022	17/23
8	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-161	9 November 2022	16/22
9	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.5/2022	5 Disember 2022	16/23



JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN GOVERNANS

MAIWP turut mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD). JKAD ditubuhkan pada tahun 1995 melalui keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kali Ke-58 pada 29 Disember 1994. Penubuhan JKAD adalah selaras dengan Surat Pekeliling AM Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

Penstrukturan semula fungsi JKAD kepada Jawatankuasa Audit Dalam dan Governans (JKADG) telah diluluskan melalui Mesyuarat Khas MAIWP Bil.3/2021 pada 21 April 2021. Manakala, penambahbaikan Terma Rujukan JKADG telah diluluskan melalui Mesyuarat Khas MAIWP Bilangan 4/2021 bertarikh 30 Ogos 2021. Penstrukturan semula fungsi JKAD kepada JKADG adalah bagi memperkasakan peranan JKADG dalam usaha memantau dan mengawal selia perkara-perkara yang berbangkit berkaitan integriti, rasuah dan tadbir urus. Dengan ini, Unit Integriti (UI) adalah bertanggungjawab melaporkan segala aktiviti yang dilaksanakan kepada JKADG.

JKADG telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dan 1 kali JKADG Khas pada tahun 2022. Sebanyak 14 laporan audit telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKADG sepanjang tahun 2022.

JKADG MAIWP dianggotai oleh:

Pengerusi

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri

Mantan Timbalan Ketua Audit Negara

Ahli

- | | |
|--|--|
| i. YBhg. Prof Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor | iii. YBhg. Datuk Prof. Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz |
| ii. YBrs. Tuan Haji Zainal Abidin bin Shaikh Zakaria | iv. YBrs. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah |

Keberhasilan Aktiviti

UAD ke arah memenuhi standard pengauditan yang telah ditetapkan oleh *Institute of Internal Auditor (IIA)* melalui *Quality Assurance Review (QAR)* yang disasarkan boleh diperolehi oleh UAD pada tahun 2024. Bagi tujuan itu, UAD telah berjaya membangunkan Piagam JKADG buat julung kalinya dan ianya telah diluluskan oleh Mesyuarat MAIWP Kali Ke-159 Bil. 2/2022. Piagam JKADG menerangkan tentang tata kelakuan dan pengurusan JKADG bagi memastikan fungsi JKADG dapat dilaksanakan dengan lebih berimpak.

UAD telah menjalani *Preliminary QAR Readiness Assessment* pada 21 Jun 2022 oleh Jabatan Teknikal IIAM. Berdasarkan semakan yang dibuat ke atas dokumentasi UAD, pihak IIAM berpandangan, UAD telah bersedia untuk dilaksanakan penilaian *Quality Assurance Review (QAR)* oleh badan profesional bertauliah. UAD juga telah menjemput Unit Audit Dalam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk membuat semakan dan memberi nasihat ke atas keseluruhan keperluan penilaian QAR. Pihak UAD UKM juga berpandangan, pelaksanaan aktiviti UAD MAIWP telah mematuhi keperluan standard yang ditetapkan oleh *International Professional Practices Framework (IPPF)*.

UAD telah melaksanakan Bengkel Penyediaan Rancangan Audit Tahunan Berasaskan Risiko (RBIAP) dengan mendapatkan bimbingan latihan dan konsultansi daripada pihak IIAM. RBIAP adalah satu keperluan penilaian QAR dan ianya akan mula dilaksanakan pada tahun 2023.

UAD telah berjaya menyediakan Kerangka Kompetensi dan Analisis Keperluan Latihan (TNA) dengan mendapatkan konsultansi dan latihan daripada pihak IIAM. TNA diperlukan bagi memastikan perancangan kompetensi pegawai dan kakitangan UAD dilaksanakan dengan lebih komprehensif.

Penggunaan perisian ACL dalam menganalisis data dan membuat keputusan bagi setiap pengauditan yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan laporan yang dihasilkan boleh dipercayai.

UAD juga telah memberi nilai tambah kepada kaedah pelaporan UAD berdasarkan format yang dicadangkan oleh IIA berpandukan rangka kerja *Committee of Sponsoring Organization (COSO)* sebagai asas menilai keberkesanan sesuatu aktiviti/program yang diaudit.

Oleh itu, hasil daripada penambahbaikan yang telah dibuat pada tahun 2022, JKADG telah berjaya membantu MAIWP meningkatkan tadbir urus MAIWP ke arah yang lebih baik, penambahbaikan kawalan dalaman yang lebih menyeluruh dan kesedaran pengurusan MAIWP terhadap pengurusan risiko telah mula ditekankan.

Melalui pemantauan yang lebih berkesan dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh Unit Integriti melalui pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan, juga melalui proses tindakan siasatan dan tatatertib yang tegas dilaksanakan, JKADG berpuas hati usaha-usaha untuk meningkatkan tahap integriti pegawai dan kakitangan MAIWP sedang dalam proses pematapan.

RANCANGAN MASA HADAPAN

UAD telah merangka strategi untuk meningkatkan kualiti pengauditan. UAD telah merancang program dan tindakan untuk memantapkan proses pengauditan berkualiti melalui pendekatan kawalan kualiti dengan mendapatkan *Quality Assurance Review (QAR)* dari *The Institute of Internal Auditors (IIA)* pada tahun 2024. UAD juga sedang dalam proses memastikan juruaudit-juruaudit di UAD mendapat pensijilan profesional. Pensijilan ini adalah penting bagi memastikan segala gerak kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh UAD adalah berlandaskan kepada standard dan piawaian antarabangsa.



JAWATANKUASA WAKAF MAIWP (JKW)

Beberapa jawatankuasa berhubung pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi memastikan pengurusan pelaksanaan wakaf ditadbir urus dengan sistematik. Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) bertanggungjawab untuk menilai dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan permohonan dan pelaksanaan wakaf.

Sehingga Disember 2022, JKW MAIWP telah bersidang sebanyak 4 kali seperti berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-3 Bil. 1/2022 yang bersidang pada 9 Februari 2022.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-4 Bil. 2/2022 yang bersidang pada 15 Ogos 2022.
- iii. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Bil. 1/2022 yang bersidang pada 3 November 2022
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-5 Bil. 3/2022 yang bersidang pada 16 Disember 2022

KEANGGOTAAN JKW MAIWP

Pengerusi

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yussof
Ketua Pengarah JAKIM merangkap Timbalan Pengerusi MAIWP

Ahli

- | | |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> i. S.S. Prof. Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah Mufti Wilayah Persekutuan merangkap Ahli MAIWP ii. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail Pengarah JAWI merangkap Setiausaha MAIWP iii. YBhg. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iv. YBhg. Dato' Selamat bin Paigo Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) v. YBrs. Encik Mohd Fauzi bin Abidin Timbalan Pengurus (Pengurusan) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan vi. YBrs. Puan Sharifatul Hanizah binti Said Ali Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran Modal Islam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia | <ol style="list-style-type: none"> vii. YBrs. Encik Mohd Firdaus bin Ibaruslan Timbalan Pengarah Sektor Pendaftaran Tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur viii. YBhg. Prof. Dr. Mohd Fairuz bin Md Salleh Pengarah Bahagian Unit Strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ix. YBhg. Prof. Dr. Sharifah Zubaidah binti Syed Abdul Kader Pensyarah Bahagian Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) x. YBhg. Dr. Haji Razali bin Othman Mantan Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment Universiti Putra Malaysia (UPM) |
|--|--|

Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail
Pengurus Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah, MAIWP

JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAIWP (JKPM)

Jawatankuasa Pendidikan MAIWP ditubuhkan bagi memberi nilai tambah serta menaikkan imej institusi berkenaan agar lebih berdaya maju dan tetap relevan mendepani cabaran pendidikan masa kini.

Jumlah ahli JKPM adalah seramai Sembilan (9) orang yang terdiri daripada:

1. YBhg Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Tahir
2. YBhg. Datuk Prof. Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz
3. YBrs. Dr Yusri bin Mohamad
4. YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
5. Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP
6. Pengarah JAWI
7. YBrs. Dr. Mazlan bin Abbas
8. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said
9. Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

JKPM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali pada tahun 2022.

1. Mesyuarat JKPM Bil.1 pada 8 April 2022 secara atas talian, pada jam 10.00 pagi.
2. Mesyuarat Khas JKPM Bil.2 pada 18 Julai 2022 bertempat di Bangunan PERKIM aras 11, pada jam 11.45 pagi.
3. Mesyuarat JKPM Bil. 3 pada 30 Ogos 2022 bertempat di Bangunan PERKIM aras 11, pada jam 9.30 pagi.
4. Mesyuarat JKPM Bil. 4 pada 19 Disember 2022 bertempat di Bangunan PERKIM aras 20, pada jam 9.00 pagi.

JAWATANKUASA LAJNAH AL-IRSYAD MAIWP

Jawatankuasa atau Lajnah Al-Irsyad MAIWP telah diluluskan melalui Mesyuarat MAIWP kali ke-145 Bil.3/2018 pada 29 Oktober 2018. Jawatankuasa ini diwujudkan dengan objektif utama sebagai memandu dan menasihati ke arah peningkatan kualiti pengajian di institusi pendidikan turath di Bahagian Pembangunan Insan (BPI) MAIWP khususnya terhadap dua (2) institusi berikut:

1. Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) – Institusi pengajian turath yang pertama ditubuhkan pada tahun 2015; dan
2. Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunah Al-Nabawiyyah (MSN) yang ditubuhkan pada tahun 2017.

Jumlah ahli Lajnah Al-Irsyad MAIWP adalah seramai Enam (6) orang yang terdiri daripada:

1. YBhg Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor
2. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
3. Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan
4. YBhg. Dr. Mohd Aizam bin Mas'od
5. YBhg. Dr. Azmil bin Zainal Abidin
6. Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

Jawatankuasa Lajnah Al-Irsyad MAIWP telah bermesyuarat sebanyak empat (3) kali pada tahun 2022.

1. Mesyuarat Lajnah Al-Irsyad Bil.1 pada 25 April 2022 bertempat di Pondok Moden Al-'Abaqirah, pada jam 3.30 petang.
2. Mesyuarat Lajnah Al-Irsyad Bil. 2 pada 27 Ogos 2022 bertempat di Hotel Copthorne, Cameron Highland, pada jam 2.30 petang.
3. Mesyuarat Lajnah Al-Irsyad Bil. 3 pada 13 Disember 2022 bertempat di Pondok Moden Al-'Abaqirah, pada jam 11.00 pagi.

JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK MAIWP

Jawatankuasa Perancangan Strategik atau *Strategic Planning Committee* (SPC) MAIWP ditubuhkan untuk menasihati Ahli MAIWP tentang pembentukan dan kandungan pelan perancangan strategik MAIWP dan untuk memantau prestasi, impak dan keberkesanan pelaksanaan pelan strategik yang telah dipersetujui.

KEANGGOTAAN SPC MAIWP

Pengerusi

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman
Ahli MAIWP

Ahli Jawatankuasa

- | | |
|--|--|
| 1. YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
Ahli MAIWP | 7. YBr. En. Effendy bin Zulkifly
Ketua Pegawai Eksekutif
Blockworq Sdn.Bhd. |
| 2. YBr. Prof. Dr. Mohd Roslan
bin Mohd Nor
Ahli MAIWP | 8. YBr. En. Khalid Al Walid bin Mustafa Kamil
Pengerusi
Philandure Group Sdn. Bhd. |
| 3. YBhg. Datuk Hajah Hakimah
binti Mohd Yusoff
Ketua Pegarah JAKIM merangkap
Timbalan Pengerusi MAIWP | 9. YBr. En. Firdaus Wong Wai Hung
Presiden
Multiracial Reverted Muslims |
| 4. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Pengaroh JAWI Merangkap
Setiausaha MAIWP | |
| 5. YBr. En. Mohd Nizam bin Haji Yahya
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
MAIWP | |
| 6. YBr. Tuan Haji Abdul Hakim Amir
bin Osman
Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP | |

Setiausaha

Wan Azira Binti Wan Salleh
Pengurus
Bahagian Khidmat Pengurusan

Senarai Mesyuarat Tahun 2022

1. Mesyuarat SPC Bil. 1/2022 pada 10 Februari 2022
2. Mesyuarat SPC Bil. 2/ 2022 pada 18 April 2022
3. Mesyuarat SPC Bil.3/ 2022 pada 11 November 2022
4. Mesyuarat Khas SPC Bil. 1/2022 pada 2 Disember 2022

JAWATANKUASA BAITULMAL WILAYAH PERSEKUTUAN

Berdasarkan Seksyen 60 (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], MAIWP dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong pada 12 Januari 1980 telah menggubal kaedah-kaedah bagi pentadbiran dan pembahagian harta Kumpulan Wang yang dinamakan sebagai **Kaedah-Kaedah Baitul Mal (Wilayah Persekutuan (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980** yang telah disiarkan dalam warta bernombor P.U.(A) 154/1980.

Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Baitul Mal (Wilayah Persekutuan (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 tersebut memperuntukan mengenai penubuhan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Baitul Mal Wilayah Persekutuan**

Merujuk Kaedah 3 dan 4 Kaedah-Kaedah Baitul Mal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 telah menetapkan bahawa setiap harta atau wang dalam kumpulan wang hendaklah dibelanjakan untuk kebajikan am orang-orang Islam termasuk pemajuan mereka dalam bidang agama, sosial dan ekonomi di bawah lapan (8) asnaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak.

Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Wilayah Persekutuan (JKB) telah bersidang sebanyak 11 kali dan 1 kali Mesyuarat Khas JKB pada tahun 2022. Sepanjang tahun 2022 ini, sebanyak 278 kertas telah dibentangkan dan 245 kertas permohonan bantuan telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM443,459,032.70.

Mesyuarat MAIWP kali ke 154 bil 1/2021 yang bersidang pada 19 Mac 2021 telah meluluskan **Jawatankuasa Baitulmal Wilayah Persekutuan sesi pelantikan 2021 - 2024** terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Pengerusi

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar

Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Ahli

1. S.S. Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah
Mufti Wilayah Persekutuan
2. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Merangkap Setiausaha MAIWP
3. YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
4. YBhg. Prof. Dr. Amir bin Shaharuddin
Pengarah Pusat Pengurusan Akademik
Universiti Sains Islam Malaysia
5. YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim
(Tamat Pelantikan pada 6 Jun 2023)
Mantan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM)
Kementerian Kewangan Malaysia
6. YBhg. Encik Nushi bin Mahfuz (Tamat Pelantikan pada 19 Mei 2023)
Mantan Pegawai Tugas-Tugas Khas
Kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Setiausaha

YBrs. En. Ahmad Talmizi bin Yahaya
Pengurus
Bahagian Agihan Zakat MAIWP

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (JKPPH)

Pada 3 Januari 2022, MAIWP telah bersetuju dengan penyusunan semula **Bahagian Pembangunan dan Pelaburan** serta Bahagian Kewangan. Selaras dengan penyusunan semula kedua-dua bahagian tersebut, Bahagian Pembangunan dan Pelaburan dikenali dengan nama **Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah**, manakala Bahagian Kewangan dikenali dengan nama Bahagian Kewangan dan Pelaburan.

Pembentangan keputusan Mesyuarat NRC-MAIWP berkaitan Cadangan Mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) untuk menggantikan Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan (JKPP) serta mewujudkan Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan (JKP) dalam Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 1/2022 bertarikh 24 Februari 2022 dan mesyuarat bersetuju seperti berikut:

- i. Mengasingkan fungsi Jawatankuasa berkaitan pembangunan hartanah dan pelaburan.
- ii. Menjenamakan semula Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan (JKPP) kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH). Jawatankuasa ini diurusetiaikan oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah.
- iii. Melantik Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah mengikut syor NRC-MAIWP.

Sejurus dengan penstrukturan semula, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah berperanan penting bagi mengurusetiaikan Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP di mana tanggungjawab JKPPH adalah seperti berikut:

- i. Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.
- ii. JKPPH bergantung dengan nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan serta nasihat juruaudit untuk menyelia objektif prestasi keseluruhan dan inisiatif utama pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta perolehan aset.
- iii. Bertanggungjawab mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus tadbir perkara-perkara spesifik berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.
- iv. Bertanggungjawab membincangkan hala tuju strategik mengenai isu-isu pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta merancang aktiviti selaras dengan garis panduan, polisi risiko dan lokasi aset MAIWP.

KUASA JAWATANKUASA

JKPPH bertindak sebagai pihak berkuasa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

- a. Memantau pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP melaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- b. Meluluskan permohonan pajakan hartanah bagi tempoh maksimum 20 tahun dengan nilai pajakan maksima RM2 juta setahun.
- c. Meneliti dan memperakukan cadangan-cadangan pembangunan dan pengurusan hartanah milik MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.
- d. Meluluskan permohonan pembelian hartanah bernilai RM2 juta ke bawah.
- e. Meneliti dan memperakukan permohonan dasar baharu dan penambahbaikan dasar-dasar sedia ada bagi perkara-perkara berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.

Pada tahun 2022, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP telah bermesyuarat sebanyak **dua (2)** kali iaitu **JKPPH Kali Ke- 1 Bil. 1/2022** dan **JKPPH Kali Ke- 2 Bil. 2/2022**.

KEANGGOTAAN JKPPH MAIWP

Pengerusi

YBhg. Datuk Rameli bin Musa
Ahli
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Ahli

1. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir
Ahli
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
2. YM. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali
Ahli
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
3. YBrs. Sr. Rosni Nawati binti Ngah
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

4. YBhg. Datuk TPr. Sulaiman bin Mohamed
Pengarah Eksekutif (Perancangan)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail
Pengurus Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

PENUTUP

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua warga MAIWP yang sentiasa proaktif dan menunjukkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Kebersamaan dan kerjasama yang erat antara warga MAIWP dan agensi lain serta masyarakat seluruhnya membolehkan MAIWP bergerak mengikut landasan yang ditetapkan.

Semoga usaha dan keikhlasan dalam melaksanakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini akan dibalas oleh Allah dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda apatah lagi usaha yang dilaksanakan adalah bagi pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Sekian, dibentangkan maklumat-maklumat di atas bagi Laporan Tahunan MAIWP 2022.



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
merangkap Setiausaha MAIWP



LAPORAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MOHD NIZAM BIN HJ YAHYA




AKTIVITI AGIHAN ZAKAT


Program agihan zakat merupakan program utama MAIWP. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh MAIWP melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP manakala kutipan Zakat Fitrah diuruskan secara bersama oleh MAIWP dan PPZ. Pada tahun 2022, MAIWP telah mencatatkan jumlah kutipan zakat tertinggi sebanyak RM932,217,332.

Daripada jumlah tersebut, RM 918,472,497 adalah daripada kutipan Zakat Harta dan selebihnya RM13,744,835 daripada Zakat Fitrah. Jumlah pembayar Zakat Harta adalah seramai 249,193 orang manakala pembayar Zakat Fitrah seramai 1,192,627 orang seperti Carta 1 & Carta 2 dibawah:

III CARTA 1: Kutipan & Bilangan Pembayar Zakat Fitrah 2018-2022



III CARTA 2: Kutipan & Bilangan Pembayar Zakat Harta 2018-2022



Sehingga Disember 2022, MAIWP telah mengagihkan RM 885,431,081 menerusi agihan secara langsung dan secara tidak langsung seperti Jadual 1 di bawah:

III JADUAL 1: Agihan Zakat Keseluruhan Tahun 2022

BIL	PERBELANJAAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
1	Kluster– Kebajikan	239,765,410
2	Kluster– Ekonomi	2,296,426
3	Kluster– Perubatan	35,311,964
4	Kluster– Dakwah dan Pembangunan Ummah	147,780,208
5	Kluster– Perlindungan	20,032,276
6	Kluster– Pendidikan	110,735,223
7	Pembangunan Asnaf	6,961,015
8	Al-Wakalah	142,210,948
9	Institusi Pendidikan dan Kebajikan	30,939,652
10	Agihan Bahagian Amil	135,773,135
11	Prasarana Umat Islam	9,678,356
12	Belanja Penyelenggaraan Prasarana	3,946,468
JUMLAH		885,431,081

Al-Wakalah adalah bentuk agihan di mana MAIWP mewakili pengagihan zakat kepada pembayar yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi dalam usaha meningkatkan liputan pengagihan di luar dan dalam Wilayah Persekutuan.

III Agihan Zakat MAIWP Menerusi Skim Bantuan Tahun 2022

BIL	KLUSTER	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
1		Bantuan Kewangan Bulanan	163,451,125	27,255
2		Bantuan Ramadan/Aidilfitri	22,658,192	28,003
3		Bantuan Menyelesaikan Hutang	5,375,768	2,824
4		Bantuan Perkahwinan	1,113,500	431
5	KEBAJIKAN	Bantuan Guaman Syarie	150,000	13
6		Bantuan Kecemasan	27,799,879	74,148
7		Bantuan Tambang & Keperluan Diri	558,305	466
8		Bantuan Musibah	14,595,241	1,169
9		Bantuan Khairat Asnaf	1,063,400	890
		Bantuan Pelaburan ASB Asnaf	3,000,000	1,000
		JUMLAH (RM)	239,765,410	136,199
10	EKONOMI	Bantuan Perniagaan & Bimbingan Keusahawanan	2,246,690	658
11		Bantuan Pertanian / Penternakan / Perikanan	27,850	3
12		Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi	10,291	2
13		Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah	-	-
14		Bantuan Motosikal OKU	11,595	1
		JUMLAH (RM)	2,296,426	664
15	PERUBATAN	Bantuan Perubatan Am	14,459,788	2,177
		Bantuan Hemodialisis	18,057,220	623
		Bantuan Peralatan Kesihatan	1,236,468	832
		Bantuan Khas Kanak-Kanak OKU	1,558,488	231
		JUMLAH (RM)	35,311,964	3,863
16	DAKWAH DAN PEMBANGUNAN UMMAH	Bantuan Aktiviti Dakwah & Kebajikan	146,901,507	1,564
17		Bantuan Kepada Institut Tahfiz & Rumah Perlindungan	878,701	70
		JUMLAH (RM)	147,780,208	1,634
18	PERLINDUNGAN	Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan	18,987,440	5,168
19		Bantuan Membina/Membaiki Rumah	1,044,836	41
20		Bantuan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah	-	-
		JUMLAH (RM)	20,032,276	5,209

III Agihan Zakat MAIWP Menerusi Skim Bantuan Tahun 2022

BIL	KLUSTER	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
21		Bantuan Am Persekolahan/ Persediaan Sekolah Berasrama	36,269,776	33,213
22		Bantuan Peralatan dan Pakaian Persekolahan	8,622,015	27,637
23		Bantuan Am Pelajaran IPT/ Persediaan IPT	19,437,032	9,955
24		Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang	2,443,415	503
25	PENDIDIKAN	Bantuan Yuran Tuisyen	-	-
26		Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	23,941,552	1,788
27		Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	14,519,625	867
28		Bantuan Insentif Galakan Hafaz Al-Quran	738,000	277
29		Bantuan Latihan Kemahiran Industri	1,562,338	371
30		Bantuan Pemantapan Agama Islam	6,470	4
31		Bantuan Pelaburan SSPN/ PTPTN	3,195,000	639
JUMLAH (RM)			110,735,223	75,254
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			555,921,507	222,823

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK


Aktiviti pembangunan modal insan MAIWP bermula daripada peringkat umur 2 tahun hingga 6 tahun di Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Taska Darul Hanan Dan Tadika Islam MAIWP.

a) Darul Hannan

- Melaksanakan program Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Darul Hannan (TASKA) bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- Beroperasi di Masjid Wilayah Persekutuan dan Institut Kemahiran Baitulmal dengan jumlah kanak-kanak seramai **30 orang**. Pengekalan jumlah penerima kanak-kanak yang rendah untuk membiasakan norma baharu pasca endemik.
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan 'Belajar Melalui Bermain' (*learning through play*) bagi merangsang setiap perkembangan personaliti dan minda kanak-kanak.
- Seramai 90 % kanak-kanak yang berumur 3 dan 4 tahun berjaya menguasai 10 Surah Lazim dan 10 Doa Harian serta kemahiran sendiri.




III Statistik Kanak-Kanak di Darul Hannan Tahun 2018-2022



b) Tadika Permata MAIWP

- Tadika Islam telah mula wujud sejak tahun 1970-an dan operasi pelaksanaan ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Bagi tujuan penambahbaikan operasi dan pentadbiran tadika, ianya diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP pada 1 Januari 2009 dan majlis penyerahan tersebut secara rasminya telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu. Sehingga kini, terdapat sebanyak 79 buah Tadika Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- Melalui Program Transformasi Tadika, pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan telah dilaksanakan melibatkan infrastruktur premis, modul dan kurikulum serta pentadbiran dan inovasi. Antaranya penjenamaan kepada Tadika Permata MAIWP (TPM) untuk keseluruhan tadika dan Tadika MAIWP Kids (TMK) sebagai tadika komersial yang menawarkan kualiti yang lebih baik serta kadar yang berpatutan. Selain itu, TPM telah mula menggunakan Sistem i-Permata dalam kebanyakan urusan pentadbiran dan komunikasi dengan ibubapa murid. Guru-guru tadika pula, diberi tajaan mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) bagi meningkatkan profesionalisme dan kualiti perguuran.
- Terdapat seramai 5,155 murid melalui 79 buah Tadika Islam iaitu 68 di Kuala Lumpur, 7 Putrajaya dan 4 Labuan .

III Jumlah pelajar Tadika Islam MAIWP Tahun 2018-2022



79
TADIKA ISLAM
PADA 2022

- 68 KUALA LUMPUR
- 7 PUTRAJAYA
- 4 LABUAN



PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH


Pembangunan modal insan di peringkat menengah diteruskan oleh MAIWP menerusi 5 buah institusi di bawahnya.

a) Sekolah Menengah Agama MAIWP Kuala Lumpur (SMA MAIWP KL)


- Beroperasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras dan merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK).
- Didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bermula Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. SMA MAIWP KL juga mempunyai murid Tingkatan Enam yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
- Jumlah murid di SMA MAIWP KL adalah seramai 682 murid.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2022 adalah 1.33 dengan murid mendapat kesemua A+ bagi 11 mata pelajaran adalah 1 murid manakala kesemua A bagi 11 mata pelajaran adalah seramai 26 murid. SMA MAIWP KL berjaya mendapat tepat pertama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2022 adalah 2.80 dengan pelajar mendapat Mumtaz Sofi adalah seramai 1 murid manakala Mumtaz pula adalah 1 murid. Ini merupakan tahun keempat SMA MAIWP KL mengambil peperiksaan STAM.

III Pencapaian Murid SMA-MAIWP SPM Tahun 2022 Berdasarkan Bilangan "A"

Bilangan Murid



PECAHAN MURID SMA-MAIWP KUALA LUMPUR TAHUN 2022



Tingkatan 1

57 murid 80 murid

Tingkatan 2

73 murid 66 murid

Tingkatan 3

80 murid 58 murid

Tingkatan 4

70 murid 45 murid


Tingkatan 5

50 murid 56 murid

Tingkatan 6

19 murid 28 murid

III Pencapaian Gred Purata Sekolah SMA-MAIWP Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik



III Pencapaian Murid SMA-MAIWP Sijil Tinggi Agama Malaysia Tahun 2022



• Pencapaian Kokurikulum tahun 2022:

- ▶ Johan International Junior War Cry Competition 2022
- ▶ Johan Cabaran Kokurikulum Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Kebangsaan
- ▶ Ikon Murid Kategori Pembangunan Perisian Peringkat Kebangsaan
- ▶ Johan Article Trailer – English Cyberspace Challenge Peringkat Kebangsaan
- ▶ Johan Amalan Terbaik Kaunseling Fokus Pendidikan Kerjaya Murid (Guru)
- ▶ Top 10 Category Smart Tools (Conswaste) – Toyota Eco Youth 2022/2023
- ▶ Peserta Lelaki Terbaik – Kolokium Pemimpin Muda PRS Peringkat Negeri
- ▶ Johan Inovasi Kadet Bomba Kategori Lelaki
- ▶ Johan Pertandingan Khat Siber Festival Kesenian Islam (FKISS) Peringkat Negeri 2022
- ▶ Tempat ke-5 Pertandingan Khat Siber, Festival Kesenian Islam (FKISS) Peringkat Kebangsaan 2022
- ▶ Johan Pertandingan Kendalian UAV (Drone & Aplikasi)
- ▶ Naib Johan Pertandingan Merekabentuk Kediaman Masa Depan – Pertandingan Maysia Techlympics Peringkat Kebangsaan 2022

- ▶ Tempat ke-3, Kategori Pertanian Pintar – Pertandingan Malaysia Techlympics Peringkat Kebangsaan 2022
- ▶ Tempat ke-3 dalam Cabaran Interaktif Pengguna – Explorace Peringkat Zon Tengah Tahun 2022
- ▶ Tempat ke-3 Pertandingan Young Motivator Menengah Rendah Peringkat Negeri
- ▶ Naib Johan Pertandingan Career Hunters Peringkat Negeri Tahun 2022
- ▶ Bronze Award – Pertandingan Malaysia International Young OLYMPIAD (MIYIO 2022)
- ▶ Tempat Pertama – Pertandingan Penulisan Kreatif Menulis Cerpen – Kategori Menengah Rendah Peringkat Negeri Tahun 2022
- ▶ Naib Johan – Pertandingan Debat Bahasa Arab Piala Pengerusi MAIWP Peringkat Kebangsaan Tahun 2022
- ▶ Memenangi 2 Perak dan 1 Gangsa – Kejohanan Memanah MSSM Tahun 2022
- ▶ Anugerah Pilihan Khas SUHAKAM – Pertandingan Bicara Berirama Hak Asasi Manusia Antara Sekolah ATHAM 2022
- ▶ Pingat Emas dan Perak – Kategori Verse Speaking Class 16 dan 17 (Singaporean Performing Arts Festival 2022)

b) Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan (SMA MAIWP Labuan)

- Pada tahun 2022, jumlah pelajar di SMA MAIWP Labuan adalah seramai 215 murid yang terdiri daripada pelajar Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2022 adalah 3.78 bagi 15 matapelajaran kesemuanya. Pencapaian terbaik 2 orang pelajar mendapat 8A, 2 orang mendapat 7A, 6 orang mendapat 6A dan 3 orang pelajar mendapat 5A. Peratusan layak mendapat sijil dikekalkan 100% seperti peratusan terdahulu.

PECAHAN MURID SMA-MAIWP LABUAN TAHUN 2022



Tingkatan 1

17 **23**
murid murid

Tingkatan 2

15 **35**
murid murid

Tingkatan 3

24 **20**
murid murid


Tingkatan 4

19 **22**
murid murid


Tingkatan 5

18 **22**
murid murid

III Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP Labuan SPM Tahun 2022 Berdasarkan Bilangan "A"



III Pencapaian Gred Purata Sekolah SMA-MAIWP Labuan Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

• **Pencapaian Kokurikulum tahun 2022:**

- ▶ Peringkat Antarabangsa melibatkan penyertaan pertandingan Karate Kadet Junior International Sabah State bagi acara kumite bawah 47kg dan memenangi keempat kedua (perak)
- ▶ Peringkat Kebangsaan. Mendapat tempat keempat dalam:
 1. Karnival STEM Peringkat Kebangsaan (Young STEMist Innovation dan Intervention Conference)
 2. Cabaran Interaktif Pengguna Peringkat Kebangsaan

Penyertaan:

1. Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah-sekolah KPM
2. Majlis Ihtifal Ilmi (MISSMAM) – Syarahan Bahasa Inggeris
3. Kejohanan Memanah MSSM
4. Kejohanan Sukan Sekolah Agama Malaysia
5. Festival Kesenian Islam – Khat Siber
6. Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah KPM (Kalimatussobah)
7. Kejohanan Olahraga MSSM




- ▶ Peringkat Negeri Johor bagi acara:
 1. Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah KPM, Kalimatussobah Lelaki
 2. Ihtifal Kesenian Islam Sekolah-sekolah KPM, Kalimatussobah Lelaki
 3. Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah KPM, Khat Siber Perempuan
 4. Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah KPM, Mimbar Daie
 5. Kejohanan Olahraga MSSWPL, merejam lembing, L15
 6. Kejohanan Olahraga MSSWPL, Pecut, L15
 7. Kejohanan Memanah MSSWPL
- ▶ Naib Johan kategori:
 1. Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah KPM, Kalimaussobah Perempuan
 2. Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah KPM, Kalimatussobah Perempuan
 3. Pertandingan Bahas Bahasa Melayu
 4. Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah KPM, Khat Siber Lelaki
 5. Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah KPM, Mimr Daie
 6. Kejohanan Olahraga MSSWPL, melempar cakera, L15
 7. Kejohanan Bola Jaring MSSWPL, P15
- ▶ Tempat Ketiga kategori:
 1. Kejohanan Olahraga MSSWPL, 4x200m, L15
 2. Kejoan Badminton MSSWPL, P18
 3. Poetry
- ▶ Penyertaan Kejohanan Rentas Desa MSSWPL

c) Sekolah Menengah Integriti Sains Tahfiz (SMISTA)


- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan dua (2) kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Perdana KBSM/KSSM dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)
- Beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur
- Pada tahun 2022, jumlah pelajar di SMISTA adalah seramai 382 orang
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2022 adalah 1.92 dengan pelajar mendapat kesemua A bagi 12 subjek adalah seramai 8 orang.

III Pencapaian Gred Purata Sekolah SMISTA Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022




* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

III Pencapaian Murid SMISTA SPM Tahun 2022 Berdasarkan Bilangan "A"



PECAHAN MURID SMISTA TAHUN 2022



Tingkatan 1

51 murid
34 murid

Tingkatan 2

41 murid
37 murid

Tingkatan 3

29 murid
41 murid

Tingkatan 4

35 murid
35 murid

Tingkatan 5


36 murid
43 murid

- SMISTA turut menjadi Johan Hafazan kategori 1-30 Juz perempuan, naib johan lelaki, naib johan kategori 1-20 Juz perempuan, naib johan dan ketiga Hafazan Mahrajan al-Quran Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan pada 30 September 2022 – 1 Oktober 2022 di Kulim Kedah.

d) Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA)


- Merupakan institusi pengajian bawah MAIWP yang melaksanakan kurikulum berteraskan kitab-kitab turath yang diintegrasikan dengan pembelajaran akademik arus perdana dan hafazan Al-Quran.
- Mempunyai seramai 114 orang pelajar pada tahun 2022

**III Pencapaian Gred Purata Sekolah PMA
Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022**



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

**PECAHAN MURID
PONDOK MODEN
AL-'ABAQIRAH
TAHUN 2022**



Tahun 1

38
murid


Tahun 2

65
murid

Tahun 3

11
murid


**III Pencapaian Pelajar PMA
Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2022 Berdasarkan Bilangan "A"**



III Pencapaian Pelajar PMA Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2022



III Pencapaian Gred Purata Sekolah PMA Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2022



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik


- Pencapaian tahun 2022:
 - ▶ Johan Hafazan Al-Quran Majlis Ihtifal Iلمي Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) Tahun 2022.




e) Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyah (MSN)

- Mula beroperasi pada 19 April 2017 di Kampung Baru, Kuala Lumpur
- Mensasarkan pelajar lepasan PT3 dengan tempoh pengajian selama 4 tahun
- Pengajian menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ditambah dengan sistem pengajian turathi (Bahasa Arab & ilmu hadis), hafazan hadis-hadis pilihan serta matan-matan asas ilmu Islam.
- Pada September 2019, operasi MSN telah berpindah dari Bangunan Danau Lumayan, Cheras ke Kompleks Darul Kifayah, Batu Muda
- Bilangan pelajar pada tahun 2022 adalah seramai 24 orang iaitu 10 orang Tahun 1, 11 orang Tahun 2 dan 3 orang Tahun 3.

III Pencapaian Gred Purata Sekolah MSN Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022




III Pencapaian Gred Purata Sekolah MSN Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2018-2022



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

STATISTIK PELAJAR MSN 2018-2022



2018

21
murid

2019

37
murid

2020

37
murid

2021

27
murid

2022

24
murid

- Pencapaian tahun 2022:

- ▶ 100% pelajar lulus dalam SPM 2022 dengan Gred Purata Sekolah (GPS) 3.43
- ▶ 100% pelajar lulus STAM 2022 dengan Gred Purata Sekolah (GPS) 2.33.

PENDIDIKAN TVET: INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

MAIWP turut mempunyai sebuah institusi yang memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dikenali sebagai Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).

Program kemahiran yang ditawarkan mendapat pentauliahian daripada agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pada tahun 2022, terdapat seramai 171 pelajar di IKB.


III Pecahan Pelajar IKB Tahun 2022

BIL	KURSUS	BILANGAN PELAJAR	
		TAHUN 1	TAHUN 2
1.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita	16	17
2.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki	16	14
3.	Perkhidmatan & Penyajian Makanan	22	11
4.	Kejuruteraan Elektrik	17	15
5.	Seni Lukis & Senireka	-	20
6.	Teknologi Binaan Bangunan	13	10
JUMLAH		84	87

Pada tahun 2022, seramai 77 orang pelajar telah berjaya menyempurnakan pengajian selama 2 tahun di IKB.



PERBANDINGAN LULUSAN IKB MENGIKUT KURSUS DARI TAHUN 2018-2022



2018

101
murid

2019

88
murid

2020

80
murid

2021

90
murid

2022

77
murid

PENGAJIAN WARGA EMAS: DARUL ILMI

Menyedari keperluan pendidikan sepanjang hayat, MAIWP telah memanfaatkan kemampuan yang ada untuk menyediakan pengajian agama secara intensif kepada warga emas. Ia dilaksanakan menerusi institusi yang dinamakan Darul Ilmi di mana menerapkan kaedah pengajian pondok dengan pendekatan moden. Ia ditubuhkan selari dengan hasrat Allahyarham Ir. Haji Mohd Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican yang mewakafkan hartanahnya untuk pusat pengajian.

Di Darul Ilmi, warga emas akan mengikuti kelas pengajian yang sistematik dengan menekankan kepada pengajian Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab muktabar. Ilmu-ilmu berkaitan Tauhid, Fikah, Tafsir, Hadis, Tasawuf, Akhlak, Al-Quran, Tajwid, Sirah dan Perubatan Islam diajar oleh tenaga pengajar bertauliah sepanjang tempoh 2 tahun.

Pada tahun 2022, terdapat seramai 17 penuntut di Darul Ilmi berusia antara 55-70 tahun.



KEBAJIKAN


Selain aktiviti pendidikan, MAIWP turut memberi perhatian terhadap beberapa kelompok umat Islam yang kurang bernasib baik menerusi beberapa institusi.

a) Darul Kifayah (Kuala Lumpur)

- Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (mualaf).
- Para pelajar dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kebangsaan.
- Pada tahun 2022, terdapat seramai 221 orang pelajar di Darul Kifayah.
- Pada tahun 2022, terdapat seramai 41 pelajar Darul Kifayah yang menduduki SPM telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



STATISTIK PELAJAR DARUL KIFAYAH 2018-2022



2018

299
murid

2019

273
murid

2020

258
murid

2021

267
murid

2022

221
murid

b) Darul Kifayah (Labuan)

- Pada tahun 2018, Darul Kifayah MAIWP Cawangan Labuan (DKL) telah ditubuhkan dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan.
- Penubuhan mencatat sejarah apabila menjadi kompleks perlindungan anak-anak yatim yang pertama di Labuan.
- Beroperasi di sebuah kompleks di atas tanah milik MAIWP yang berkeluasan 5.83 ekar di Membedai, Wilayah Persekutuan Labuan.
- Telah dirasmikan pada 29 Rabiul Awal 1441H bersamaan 26 November 2019M oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Padukan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia pada ketika itu.


- Penubuhan DKL ini mensasarkan penghuni-penghuni dalam kalangan anak-anak yatim, anak-anak golongan mualaf dan anak-anak golongan asnaf dari dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan daerah-daerah di sekitarnya.
- Dengan kapasiti seramai 200 orang penghuni, DKL memulakan operasinya dengan pengambilan penghuni pertama seramai 55 orang pada tahun 2018. Bilangan ini terus bertambah sedikit-demi sedikit dari tahu ke tahun.

BIL	TAHUN	JUMLAH PENGHUNI (ORANG)
1.	2018	55
2.	2019	68
3.	2020	68
4.	2021	75
5.	2022	79

- Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (mualaf).
- Para pelajar dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kebangsaan.
- Pada tahun 2022, terdapat seramai 79 orang pelajar di Darul Kifayah MAIWP Cawangan Labuan.



STATISTIK PELAJAR DARUL KIFAYAH 2018-2022



2018

55
murid

2019

68
murid

2020

68
murid

2021

75
murid

2022


79
murid

c) Dar Assaadah

- Merupakan institusi perlindungan sementara kepada wanita Islam berumur 18 hingga 35 tahun yang mempunyai masalah sosial termasuk hamil luar nikah.
- Dar Assaadah melaksanakan operasi merujuk kepada Kaedah-kaedah Dar Assaadah 1990 berdasarkan Minit Mesyuarat MAIWP Kali Ke-36 pada 21hb Januari 1989.
- Sepanjang tempoh perlindungan, pelatih Dar Assaadah diberikan pendidikan agama dan pemulihan akhlak serta latihan kemahiran seperti jahitan, masakan serta kraftangan.
- Pada tahun 2022 Dar Assaadah telah memberikan perlindungan kepada 29 orang pelatih yang berasal dari seluruh Malaysia.
- Tahun 2022 juga Dar Assaadah telah mencapai sasaran 79% daripada 29 orang pelatih boleh membaca Iqra' dan al-Quran dengan baik serta Asas Fardhu Ain berjaya dicapai.



STATISTIK PENGHUNI DAR ASSAADAH 2018-2022



2018

25
murid

2019

24
murid

2020

17
murid

2021

10
murid

2022

29
murid



PENGURUSAN HARTANAH

Pengurusan Hartanah merupakan sebahagian tanggungjawab MAIWP bagi memastikan hartanah-hartanah di Wilayah Persekutuan dapat dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan fizikal prasarana dan pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

III Kategori Tanah Tahun 2022


KATEGORI	KELUASAN (EKAR)	BILANGAN
Ekonomi	877.312	235
Kebajikan	198.97	196
Wakaf	40.41	72
Pusaka	41.703	25
Warta/Rizab	1,065.06	133

III Maklumat Keseluruhan Hartanah

BIL	KATEGORI	ANGGARAN JUMLAH NILAIAN HARTANAH (RM)	BILANGAN LOT	MPS	EKAR	HEKTAR	KEKAL	PAJAKAN	WARTA/RIZAB
1.	Ekonomi	1,741,139,981.34	235	3,488,336.40	877.312	348.833	43	192	0
2.	Kebajikan	3,052,375,102.55	196	805,203.00	198.97	80.52	168	28	0
3.	Wakaf	651,047,423.78	72	163,550.68	40.41	16.355	33	39	0
4.	Pusaka	19,439,055.90	25	168,766.49	41.703	16.876	16	9	0
5.	Warta/Rizab	42,745,747.61	133	4,310,154.00	1,065.06	431.015	0	0	133
JUMLAH KESELURUHAN		5,506,747,311.18	661	8,936,010.57	2,223.455	893.599	260	268	133

Projek-projek dalam pembinaan / pengubahsuaian adalah:

- i. Ibu pejabat MAIWP di Lorong Haji Hussein 2, WP Kuala Lumpur
- ii. Masjid di Jalan Chan Chin Moi, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- iii. Tadika Islam PULAPOL Kuala Lumpur secara reka dan bina
- iv. Surau di Presint 11, Putrajaya secara reka dan bina
- v. Menaiktaraf dan baikpulih Masjid An Nur Labuan
- vi. Meroboh dan membina semula Masjid Sirajul Islam di Jalan Tanjung Aru Labuan
- vii. Meroboh dan membina semula Surau Baitulmakmur, Jalan Pohon Batu, Kampung Durian Tunjong, Labuan
- viii. Meroboh dan Membina Semula Surau Al-Ikhlasiah, Kampung Belukut, Labuan
- ix. Surau SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur
- x. Bangunan tambahan 5 tingkat untuk Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Mukim Batu, Kuala Lumpur.




PENGURUSAN WAKAF

Wakaf merupakan instrumen kewangan dalam pembangunan yang meliputi pelbagai bidang seperti pendidikan, keagamaan, kesihatan dan sebagainya. Pada tahun 2022, MAIWP mempertingkatkan promosi kutipan wakaf di Wilayah Persekutuan dengan melantik agen kutipan dan beberapa syarikat korporat sebagai mutawalli bagi menguruskan dana wakaf di Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu, kesedaran umat Islam terhadap ibadah wakaf memberi kesan kepada peningkatan pemilikan aset-aset wakaf oleh MAIWP untuk manfaat umat Islam di Wilayah Persekutuan.


III Maklumat Kutipan Wakaf Tunai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Sehingga 31 Disember 2022

TAHUN	TUNAI AM (RM)	TUNAI KHAS (RM)
2012	215,000.00	-
2013	9,590.00	-
2014	230,280.29	-
2015	117,543.77	3,000,000.00
2016	330,502.13	34,500.00
2017	376,234.81	-
2018	668,873.12	314,940.36
2019	1,762,910.12	4,770,306.98
2020	702,852.78	3,252,767.75
2021	791,060.53	1,803,248.52
2022	1,957,786.57	1,994,899.99

III Jumlah Kutipan Wakaf 2012-2022




i. Pengagihan Dana Wakaf Tunai MAIWP seperti berikut:



ii. Pelaburan Dana Wakaf Tunai Am Dalam Simpanan Tetap Skim Perbankan Islam (SPI)

III Pencapaian Gred Purata Sekolah MSN
Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018-2022



MUTAWALLI

1. Maklumat Kutipan Dana Wakaf Pendidikan Bagi Tahun 2022

BIL	INSTITUSI PENDIDIKAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Universiti Malaya	150,324.20
2.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	296,253.00
3.	Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur	382,582.39
4.	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	102,871.28
5.	Kolej Poly-Tech MARA	118,654.41
6.	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	118,654.41

2. Maklumat Kutipan Keseluruhan Dana Wakaf Pendidikan MAIWP - grafkan pendidikan & masukkan graf korporat

BIL	INSTITUSI	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	UM	87,938.48	88,842.00	127,447.83	150,324.20	454,552.51
2.	UPNM	45,895.56	109,670.00	111,249.00	296,253.00	805,047.33
3.	UTMKL	37,097.45	197,163.40	456,387.49	382,582.39	1,073,230.43
4.	KPBKL	90,880.70	57,906.94	45,001.44	102,871.28	296,660.36
5.	KPTM	-	125,980.40	82,124.12	118,654.41	327,758.98
6.	PICOMS	-	413,208.50	79,841.79	118,654.41	1,010,432.41

3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) yang bersidang pada 3 September 2021 telah bersetuju melantik Syarikat Waqaf FELDA sebagai Mutawalli bagi Pelaksanaan Wakaf Korporat FELDA.

4. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) yang bersidang pada 15 Ogos 2022 telah bersetuju melantik Yayasan Pelajaran MARA sebagai Mutawalli bagi Pelaksanaan Wakaf Amanah Rakyat (WARak) dan Tenaga Nasional Berhad sebagai Mutawalli bagi Pelaksanaan Wakaf TNB.

PENGURUSAN HARTANAH WAKAF MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN - Senarai Hartanah Wakaf

1. Pendaftaran Hartanah Wakaf Bagi Tahun 2022

BIL	NAMA PEWAKAF	HARTA WAKAF	JENIS WAKAF	TARIKH PENDAFTARAN
1.	Puan Hawa binti Mohamad Noor & Puan Noor Hashimah binti Yahaya	Satu Unit Rumah Apartment	Wakaf Am	7 April 2022
2.	Encik Ibrahim bin Uyob & Puan Norhashimah bint Ab Karim	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	18 April 2022
3.	Encik Muslim bin Matyassin, Puan Sa'ada @ Dg. Nama binti Matyassin, Encik Masri @ Abdullah, Puang Dayang Damit @ Kidah binti Matyassin & Puan Zunaidah binti Matyassin	Satu Lot Tanah Untuk Kegunaan Tapak Perkuburan Islam	Wakaf Khas	7 April 2022
4.	Encik Mazlan bin Abdullah	Sebahagian Lot Tanah Untuk Kegunaan Tapak Masjid	Wakaf Khas	1 November 2022
5.	Tn Shaik Abdul Ghani	Lot Tanah Untuk Kegunaan Tapak Masjid	Wakaf Khas	8 Disember 2022
6.	Dg Damit @ Asmara Dg. Damit binti Karia	Tanah Kosong	Wakaf	22 Disember 2022

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI WAKAF BAGI TAHUN 2022

MAJLIS PELANCARAN TAHUN WAKAF WILAYAH PERSEKUTUAN 2022

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan Tahun Wakaf Wilayah Persekutuan 2022 dalam usaha mengaktifkan sumber baharu dana bagi terus menyantuni masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) disaksikan oleh YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di JPM (HEA) dan Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP serta jemputan khas bertempat di Kompleks Darul Kifayah, Batu Muda, Kuala Lumpur pada 25 Januari 2022.



GERAN KERAJAAN

Bagi tahun 2022, MAIWP menerima bantuan kerajaan melalui geran mengurus sebanyak RM33.46 juta berbanding tahun 2021 sebanyak RM27.33 juta. Peningkatan sebanyak 22.44% adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus MAIWP terutama bagi emolumen perjawatan tetap, sewaan premis pentadbiran dan perundangan.

MAIWP juga menerima bantuan kerajaan melalui geran pembangunan sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2022 bagi projek pembangunan SMA MAIWP Labuan (RP2 RMKe-2) dan RM2 juta pada tahun 2021 bagi projek pembangunan surau Presint 10 (Geran Projek Kecil). MAIWP telah membelanjakan sejumlah RM778,098 daripada dana tersebut pada tahun 2022.

SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2022, terdapat seramai 1,204 pegawai di MAIWP dengan pengambilan seramai 95 pegawai baru.

III Pecahan Perjawatan Tahun 2022

BIL	KUMPULAN	BILANGAN	
		TETAP	KONTRAK
1	Pengurusan Tertinggi (JUSA B & C)	3	-
2	Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	79	123
3	Sokongan I (Gred 29- 40)	102	120
4	Sokongan II (Gred 1-26)	192	586
JUMLAH		386	829
		1204	

MAIWP sentiasa memberi perhatian terhadap tahap profesionalisme dan kebajikan pekhidmatnya. Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2022 bagi memantapkan sumber manusia di MAIWP adalah:

- Mengadakan sebanyak 110 siri kursus, seminar dan latihan kepada pegawai MAIWP termasuk kursus anjuran luar dan luar negara.
- Kursus luar negara melibatkan seramai 10 orang pegawai sebagai salah satu peningkatan dalam laluan kerjaya kepada pegawai terbabit.

BILANGAN PEGAWAI DARI TAHUN 2018-2022



2018

382 Tetap **674** Kontrak

2019

382 Tetap **709** Kontrak

2020

381 Tetap **709** Kontrak

2021

378 Tetap **819** Kontrak

2022

386 Tetap **829** Kontrak

KREATIVITI DAN INOVASI

Pelaksanaan Konvensyen KIK Peringkat MAIWP Tahun 2022 telah disertai dengan empat (4) kumpulan yang terdiri daripadanya adalah dua (2) bahagian/unit daripada MAIWP dan dua (2) daripada Anak Syarikat MAIWP.

Dua (2) bahagian/unit daripada MAIWP adalah;

1. Kumpulan AS-SAIF, MAIWP Cawangan Labuan (MCL) dengan tajuk KIK “Kelestarian Skim Bantuan Pertanian Asnaf” ; dan
2. Kumpulan AS-SADDIQ, Bahagian Kewangan dan Pelaburan MAIWP (BWP) dengan tajuk KIK “MAIWP SP”.

Manakala dua (2) kumpulan daripada Anak Syarikat MAIWP adalah;

1. Kumpulan NETMINDS (HOSPITAL PUSRAWI) dengan tajuk “Kebolehcapaian Pesakit Dalam Membuat Temujanji” ; dan
2. Kumpulan AMIL HYBRID (PPZ) “MYWAKALAH: Kecekapan Proses Bayaran Wakalah Zakat”.

Pelaksanaan Konvensyen KIK Peringkat MAIWP Tahun 2022 dianjurkan dengan jayanya walaupun masih dalam keadaan endemik Covid-19.

Pelaksanaan Konvensyen KIK Peringkat MAIWP Tahun 2022 dianjurkan dengan jayanya dan johan Konvensyen KIK Peringkat MAIWP Tahun 2022 iaitu daripada Kumpulan Amil Hybrid dengan projeknya MYWAKALAH: Kecekapan Proses Bayaran Wakalah Zakat” dengan membawa pulang hadiah berjumlah RM 2,000.00. Naib johan adalah Kumpulan NETMINDS (HOSPITAL PUSRAWI) membawa pulang hadiah berjumlah RM 1,500.00.

Tempat ke-3 dan ke-4 adalah Kumpulan AS-SADDIQ, Bahagian Kewangan dan Pelaburan MAIWP (BWP) dan Kumpulan AS-SAIF, MAIWP Cawangan Labuan (MCL) masing-masing membawa pulang hadiah berjumlah RM 1,000.00 dan RM 500.00.

Bagi persembahan terbaik KIK pula dimenangi oleh Kumpulan NETMINDS (HOSPITAL PUSRAWI) dengan membawa pulang hadiah berjumlah RM 300.00.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM)

Penggunaan ICT di MAIWP dimanfaatkan sepenuhnya bagi memudahkan dan menambahkan kecekapan dalam pelaksanaan tugas. Pembangunan dan penambahbaikan terhadap sistem dan infrastruktur ICT pada tahun 2022 dapat dilihat menerusi:MAIWP terus unggul dalam pemerkasaan teknologi digital terhadap asnaf dalam menambahbaik mekanisme agihan zakat melalui program Bantuan Peralatan Persekolahan (*Back To School*) dan Bantuan Barangan Keperluan Asasi (*Zero Hunger*). Program ini memberi peluang kepada asnaf untuk memilih barangan yang diperlukan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Program ini secara tidak langsung telah menjadi tanda aras menjadikan asnaf sebagai warga yang celik teknologi selaras dengan aspirasi negara.

1. Memperluas dan menambahbaik Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ) dengan penambahan modul utama bagi projek PAZA One Stop Center. Modul panjar diperkenalkan dengan membuat siasatan, perakuan dan kelulusan bagi proses panjar di kaunter dan diintegrasikan secara terus dengan Sistem Kewangan MAIWP. Seterusnya penambahan modul muat naik dokumen diperkenalkan untuk memproses permohonan dan bantuan dengan menggunakan proses muat naik secara langsung kepada Sistem Maklumat Agihan (SMAZ). Penggunaan mesin scanner diperkenalkan dalam modul ini dimana ia mempercepatkan lagi proses pengimbasan dokumen lampiran dan sokongan. Melalui modul ini, pengguna mendapat kelebihan di mana dokumen dapat dicapai di mana-mana sahaja selagi mendapat capaian sistem. Jadi pengguna tidak lagi perlu untuk membawa dokumen salinan dokumen (*hardcopy*) semasa membuat perakuan atau kelulusan.
2. Memperluaskan integrasi beberapa sistem dengan Sistem Maklumat Agihan Zakat bagi memudahkan dan melancarkan proses penerimaan data. Integrasi sistem yang telah berjaya adalah Semakan Bantuan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Sistem Dashboard Now MAIWP, Cashless Boost Back To School dan Cashless Boost Zero Hunger
3. Membangun dan melaksanakan Sistem Tadika Permata MAIWP (iPermata) bagi mewujudkan satu pangkalan data berpusat untuk pengurusan profil pelajar di mana ia dapat memudahkan pengumpulan data-data yang diperolehi daripada setiap institusi pendidikan di MAIWP. Sistem ini juga berfungsi sebagai medium pembayaran yuran di mana setakat ini ia dimulakan di Tadika Permata MAIWP dan dilaksanakan secara berperingkat.
4. Sistem Maklumat Pengurusan Undang-Undang MAIWP (SMPUU) ini dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan di Unit Undang-Undang dalam mengumpul dan merekodkan semua maklumat berkaitan hal ehwal perundangan Majlis dalam satu sistem berpusat.
5. Melaksanakan kaedah pemusatan pangkalan data baharu (DB Farm) yang menyokong teknologi aplikasi terkini dan perlu diseragamkan supaya ia mudah selenggara dan dikawal.
6. MAIWP sentiasa berusaha dalam mendominasi arus teknologi IR4.0, Future Classroom yang berkonsepkan futuristik dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran secara efektif dengan menggunakan peralatan teknologi terkini telah dibangunkan. Penggunaan teknologi terkini yang diterapkan adalah dengan menggunakan peralatan yang canggih daripada audio dan visual. Future Classroom digunapakai oleh tiga buah Institusi Pendidikan MAIWP iaitu Pondok Moden Al-'Abaqirah, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) dan MAIWP Kids.
7. Dalam memastikan golongan asnaf termasuk pelajar menikmati kemudahan Wi-Fi ketika negara dilanda wabak Covid-19, pemasangan kemudahan internet, Wi-Fi yang memanfaatkan di 10 kawasan PPR (Program Perumahan Rakyat) sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilaksanakan. Hal ini juga sekaligus, membantu seramai 5,000 para pelajar dengan pemberian sumbangan tablet serta pakej data internet selama setahun agar proses pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan mudah dan efektif .

INTEGRITI

BENKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) MAIWP SIRI 1 TAHUN 2022



HARI INTEGRITI MAIWP TAHUN 2022



AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI

Pada tahun 2022, MAIWP menggiatkan lagi aktiviti hebahan dan publisiti dalam usaha menyampaikan maklumat yang tepat dan seterusnya mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap MAIWP.




12 keluaran penerbitan Santun MAIWP, 62 video di Youtube MAIWP TV, 10 billboard di lokasi strategik & 180 poster & infografik

CAWANGAN LABUAN

Beberapa program/aktiviti turun padang bersama agensi luar seperti Mobile e-Kasih, Jabatan Penyiaran Malaysia-Labuan FM, Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ) dan lain-lain turut diadakan.

- Mobile e-Kasih : 4 kali
- Pusat Pungutan Zakat : 2 kali
- Perkeso : 1 kali
- Jabatan Kebajikan Masyarakat : 6 kali

III Bilangan Pengunjung PAZA Labuan



Aktiviti

- Sepanjang tahun 2022, MAIWP Cawangan Labuan telah menjalankan pelbagai aktiviti agihan dan program untuk asnaf dengan jayanya. Melihat kepada keberhasilan aktiviti dan pelbagai promosi yang dilaksanakan, timbulnya kesedaran masyarakat untuk membayar zakat dan permohonan bantuan agihan zakat juga turut bertambah.
- Ini terbukti apabila program *Boost* melalui bantuan keperluan makanan asas bagi penerima Skim Bantuan Kewangan Bulanan dan penerima Skim Bantuan Am Persekolahan yang dijalankan melalui pihak-pihak pembekal/ kedai yang dilantik oleh MAIWP telah memberikan impak dan dapat membantu meringankan bebanan asnaf.
- Selain itu, bagi meningkatkan pembasmian kemiskinan, pihak MAIWP Cawangan Labuan juga telah mengadakan program peningkatan *skills* kerjaya asnaf dan anak-anak asnaf melalui program Skim Bantuan Latihan Industri dengan kerjasama agensi kerajaan dan pihak swasta telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Kebanyakan para peserta kursus yang menyertai program tersebut telah berjaya mendapatkan pekerjaan.
- Manakala aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di DKL adalah berorientasikan kepada memberikan pengetahuan asas kerohanian dan kehidupan kepada semua penghuni selain daripada mempersiapkan penghuni dari segi akademik untuk menduduki peperiksaan awam di sekolah. Keberhasilan aktiviti-aktiviti yang dijalankan ketika ini dapat dilihat melalui penurunan kadar kesalahan tingkah laku para penghuni di asrama dan peningkatan kecil pada pencapaian peperiksaan akademik penghuni di sekolah.
- Melalui maklum balas yang diberikan oleh ibu bapa penghuni juga mendapati tahap kemahiran *soft-skills* penghuni-penghuni ketika berada di rumah juga turut menunjukkan peningkatan.
- Pembangunan Tadika Permata MAIWP telah mendapat sambutan para ibu-bapa yang hendak menjadikan anak-anak mereka di Wilayah Persekutuan Labuan yang celik kepada ilmu Al-Quran dan ajaran Islam.
- Secara keseluruhannya, program-program yang dilaksanakan telah memberikan impak yang besar bukan saja kepada para asnaf bahkan para penduduk sekitar Labuan.

CAWANGAN PUTRAJAYA

MAIWP cawangan Putrajaya pada tahun 2022 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Menyantuni 3,641 orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah kelulusan bantuan sebanyak 4,789,533 juta.
- Mengadakan sebanyak 86 aktiviti turun padang menziarahi mereka yang dalam kesusahan di sekitar Putrajaya
- Menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP di Putrajaya sebanyak 7 buah dengan bilangan pelajar seramai 622 orang.
- Menganjurkan Majlis Semarak Syawal bersama asnaf di Putrajaya pada 26 Mei 2022 yang menyaksikan kehadiran 500 orang.



HOSPITAL PUSRAWI SDN BHD

PENGENALAN

Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. (PUSRAWI) menyediakan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan/Perubatan Pelbagai Disiplin di bawah satu bumbung. Ditubuhkan pada tahun 1984, PUSRAWI telah mematuhi semua Akta dan Peraturan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Badan Kawal Selia.

Melalui intipati kerja berpasukan yang tinggi, PUSRAWI mengumpulkan semua disiplin dan kemahiran perkhidmatan perubatan yang diperlukan serta memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.

Seperti kebanyakan sektor lain, penjagaan kesihatan telah memasuki era perubahan dan cabaran yang pantas dari segi kemajuan digital, teknologi dan penemuan baharu - serta gabungan inovatif yang sedia ada - adalah antara banyak faktor yang mendorong pemerkasaan pesakit, yang secara asasnya mengubah cara mencegah, mendiagnosis dan menyembuhkan penyakit.

AHLI LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI PUSRAWI

YBhg Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBrs Zauyah Binti Tarmizi

Pada tahun 2022, PUSRAWI melantik Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif yang kompeten dan mempunyai kredibiliti serta integriti yang tinggi di mana PUSRAWI telah mencapai prestasi yang sangat memuaskan dalam segala aspek perniagaan kesihatan berdasarkan Enam (6) Teras Strategik iaitu Kewangan, Produk, Pemasaran & Promosi, Pengalaman Pelanggan, Pembangunan Sumber Manusia dan Tanggungjawab Sosial Korporat





VISI

Hospital Pakar Terkemuka
The Leading Specialist Hospital

MISI

- Menawarkan perkhidmatan kesihatan yang selamat, berkualiti dan mesra pelanggan
- Memasukkan nilai dan prinsip Islam ke dalam perniagaan penjagaan kesihatan

NILAI UTAMA

P

Professionalism
Profesionalisme

U

Unity
Perpaduan

S

Success
Kejayaan

R

Respect
Menghormati

A

Accountability
Akauntabiliti

W

Wisdom
Kebijaksanaan

I

Integrity
Integriti

PRESTASI DAN PENCAPAIAN PUSRAWI BAGI TAHUN 2022



- Keuntungan RM3.5 juta bagi tahun 2022 berbanding kerugian tiga tahun berturut-turut bagi tahun 2021, 2020 dan 2020.
- Bayaran Dividen kepada MAIWP sebanyak RM1.02 juta
- Bayaran Zakat Perniagaan kepada PPZ-MAIWP sebanyak RM593,660.55



- Pusat Kanser Pusrawi – Yayasan Azman Hashim di Aras 7
- Perkhidmatan Pembedahan Bariatrik
- Unit Rawatan Rapi Neonatal di Aras 4
- Digital X-Ray



- Memperkasakan penggunaan Pemasaran Digital dan Media Sosial untuk meningkatkan jumlah pesakit dan mempromosi penjenamaan “PUSRAWI” ke seluruh Malaysia
- Kolaborasi dengan MHTC (*Malaysia Health Travel Council*)
- Melaksanakan Strategi Pemasaran 7P untuk meningkatkan Jualan (*Product, Price, Place, Physical Evidence, Process, Promotion & People*)



- Menaiktaraf fasiliti di PUSRAWI untuk memberi pengalaman pelanggan yang lebih kondusif dan selesa
- Coffee Bru Café di Lobi Utama
 - Kedai Bunga (*Florist*) di Lobi
 - Kaunter discaj di Lobi
 - Menu baru di Kafe PUSRAWI dan di wad
 - Lounge VIP Al-Hyba



- Peningkatan jumlah pesakit sebanyak 12% bagi tahun 2022
- Aduan Pelanggan menurun 10% bagi tahun 2022
- Bed Occupancy Rate (BOR) meningkat dari 40% pada tahun 2021 ke 60% bagi tahun 2022
- Memperolehi Anugerah Sijil Kualiti bertaraf Antarabangsa daripada Malaysia Society for Quality in Health (MSQH)
- Memperolehi Anugerah Sijil bertaraf Antarabangsa iaitu “Baby Friendly Hospital”



- Menggunakan dana “HRDF PUSRAWI” (Human Resource Development Fund) yang terkumpul berjumlah RM1 juta untuk meningkatkan kompetensi Ahli Pengurusan dan Wargakerja
- Kenaikkan Gaji 10% kepada semua wargakerja
- Bonus kepada wargakerja berdasarkan prestasi
- Melaksanakan program-program “Learning & Development”.



Khatan Percuma untuk 50 orang anak-anak ASNAF.



Program Kesihatan Percuma untuk kanak-kanak Sekolah Tamil.



Blood Donation Drive.



Program Sadaqah di Wad-Wad Pusrawi kepada Pesakit.



Bantuan Kewangan untuk Pelajar-Pelajar Sekolah Tahfiz.



MISI Perubatan PUSRAWI untuk Mangsa Banjir.

HARTASUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAIWP)

AHLI LEMBAGA PENGARAH



1. Tan Sri Dato' Sri Dr Abdul Aziz bin Abdul Rahman sebagai Pengerusi (bermula 1/6/2022)
2. Datuk Seri Syed Ali bin Abbas Alhabshee sebagai Pengerusi (sehingga 31/5/2022)
3. SS Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah
4. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
5. Encik Mohd Nizam bin Yahya
6. Datuk Rameli bin Musa
7. Hj. Mohd Zamerey bin Abdul Razak @ Rajab
8. Prof Dr Abdul Rahim bin Abdul Rahman

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah berjaya mencatatkan peningkatan kutipan zakat tertinggi sepanjang tempoh penubuhan pada tahun 2022.

Jumlah kutipan zakat PPZ-MAIWP pada tahun 2022 adalah sebanyak RM928.3 juta, iaitu peningkatan sebanyak 13% berbanding kutipan tahun 2021 sebanyak RM821.7 juta. Manakala menurut laporan MAIWP yang belum diaudit, jumlah agihan zakat tahun 2022 mencatatkan amaun sebanyak RM855.5 juta. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan pembayar zakat pada tahun 2022 mencatatkan 339,097 orang, iaitu sedikit pengurangan sebanyak 8% berbanding tahun 2021 yang mencatatkan jumlah pembayar seramai 370,300 orang. Pengurangan jumlah bilangan pembayar pada tahun 2022 bukanlah suatu yang menghairankan berikutan negara Malaysia masih lagi dalam masa pasca pandemik Covid-19. Sungguhpun begitu, ramai pembayar setia telah mula meningkatkan jumlah bayaran zakat mereka di PPZ-MAIWP, justeru ia menyumbangkan kepada peningkatan jumlah angka kutipan zakat di PPZ-MAIWP pada tahun 2022.


Pencapaian tahun 2022 sebahagiannya adalah hasil daripada aktiviti promosi dan dakwah zakat yang berterusan oleh semua pihak serta kesedaran mengenai zakat dalam kalangan masyarakat. Walaupun situasi pasca Covid-19 pada tahun 2022 memberi kesan kepada ekonomi negara; ramai hilang pekerjaan dan punca pendapatan, namun tidak dinafikan, terdapat perniagaan membuat keuntungan, contohnya perniagaan secara dalam talian dan menambah bayaran zakat mereka.

Selain itu, pelbagai pembaharuan telah dijalankan PPZ-MAIWP, di mana bermula 1 Disember 2022 PPZ-MAIWP telah mendapat mandat daripada MAIWP untuk mengutip Wakaf Tunai di Wilayah Persekutuan, sekaligus menyerap masuk Wakaf MAIWP Sdn Bhd. Tahun 2022 juga PPZMAIWP mendapat mandat menguruskan kutipan Zakat Fitrah bermula Ramadan 1444H di Wilayah Persekutuan, ini secara tidak langsung bertanggungjawab berkaitan cetakan kupon dan komunikasi serta sesi latihan dengan amil-amil dilantik.


PPZ-MAIWP juga telah menerima Anugerah Majikan Terbaik KWSP Lembah Klang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Anugerah ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada majikan yang sentiasa memberi komitmen dan kerjasama penuh dalam berurusan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

PENCAPAIAN SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2022

Statistik Kutipan dan Pembayar Zakat 2018-2022



Statistik Kutipan dan Pembayar Zakat Mengikut Jenis Zakat 2018-2022



INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.

AHLI LEMBAGA PENGARAH



1. Tn. Mohd Nizam Bin Haji Yahya
Ahli Lembaga Pengarah
2. Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail
Ahli Lembaga Pengarah
3. Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail
Ahli Lembaga Pengarah
4. Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahayu
Binti Ab. Aziz
Ahli Lembaga Pengarah
5. Dato' Prof. Dr. Ab Halim Bin Tamuri
Ahli Lembaga Pengarah
6. Prof. Madya Dr. Najahudin Bin Lateh
Ahli Lembaga Pengarah
7. Prof. Madya Dr. Mohd Hanif Bin Yaacob
Ahli Lembaga Pengarah

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) diterajui ke arah pencapaian Visi dan Misi Kolej selaras matlamat yang di naungi oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Bermula pengambilan pelajar tempatan kini menginjak ke peringkat antarabangsa.

Potensi KPBKL turut diperkembangkan menjangkau arus semasa dengan memastikan kestabilan ekonomi kolej serta kelestarian pembelajaran anak-anak asnaf di KPBKL dipertahankan. Berbekalkan matlamat yang lebih meluas ini, KPBKL kini menceburi bidang latihan dan konsultasi selain pendidikan. Turut diperluaskan jaringan-jaringan strategik dengan rangkaian industri bagi mengangkat KPBKL ke peringkat yang lebih tinggi, berdaya saing serta membantu perkembangan anak-anak asnaf dalam jangka masa panjang melalui pendidikan dan pendedahan kepada industri.


Justeru, Pelan Strategik KPBKL 2021 – 2025 dibangunkan mencakupi bidang tujuhan dan juga pembangunan syarikat yang selaras dengan Pelan Strategik MAIWP 2021 – 2025, dan *MAIWP Blueprint Education*.

PENCAPAIAN SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2022


Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) menawarkan 17 program pengajian, 13 peringkat Diploma, 2 sijil profesional bertaraf antarabangsa iaitu LCCIQ (Accounting), *ACCA Foundation in Accountancy (ACCA-FIA)*, dan peringkat profesional yang lebih tinggi iaitu *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*. Selain itu, KPBKL juga menawarkan Program Pra Perdagangan (UiTM) kepada para pelajar yang berkelayakan minimum.

Jumlah pelajar tahun 2022 adalah 1544, manakala graduan yang tamat belajar pada tahun 2022 adalah seramai 884.

Jumlah Pelajar Tahun 2016-2022




















Jumlah Graduan Dari Tahun 2017-2022



III Pecahan Pelajar KPBL Tahun 2022 Mengikut Program

1544 Jumlah Pelajar

29  Diploma Perakaunan [AC110]	117  Diploma Pengajian Perniagaan [BA111]	15  Pra Perdagangan [BA003]	20  ACCA	35  London Chamber Of Commerce & Industry - IQ [LCCI-IQ]-DIA
2  Diploma Kaunseling Islam	1  Diploma Penyiaran Islam (DPI)	45  Diploma Teknologi Maklumat Keusahawanan [DITE]	126  Diploma Pentadbiran Perniagaan(DIBA)	
279  Diploma Pengurusan Haji & Umrah (DPHU)	53  Diploma Pengurusan Zakat & Wakaf (DPZW)	59  Diploma Pengajian Muamalat (DPM)	507  Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH)	
35  Diploma Matematik Kewangan (DMK)	193  Diploma Syariah Islamiah (DSI)	26  ACCA-FIA	2  DACC	

KPBL merupakan satu-satunya institusi yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi mengendalikan Kursus, *Umrah Specialized Enhancement Course* (USEC) kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan umrah. Kursus ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi memantapkan urus tadbir dan tata kelola pengurusan umrah. Kursus ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penipuan dalam pengurusan umrah dan telah dijalankan sejak tahun 2016. Pada tahun 2022, seramai 255 peserta dari 230 agensi telah menyertai kursus ini.

Pada 1 Mei 2019, secara rasminya Pusat Wakaf Intelek KPBL (PWI KPBL) telah dikuatkuasakan penubuhannya bagi memberi kemudahan kepada korporat, syarikat, dan masyarakat untuk berbakti menerusi amalan berwakaf. Dari tahun 2019 sehingga tahun 2022, Pusat Wakaf Intelek KPBL telah mengumpul sebanyak RM247,099.00.

Pada tahun 2022, KPBL telah mencapai pelbagai pengiktirafan dan kejayaan. Diantaranya adalah:

- Perolehan Geran Penyelidikan bernilai RM40, 000 (Dana Unit AZKA-PPZ), melalui Majlis Senergi PPZ-MAIWP & KPBL 2022.
- Penganjuran Kolokium Penyelidikan Siri 1 (April) & Siri 2 (September).
- KPBL telah mendapat Gred A+ Audit Kualiti Akademik Kolej Bersekutu UiTM.
- Penawaran program baharu KPBL, Diploma in Accountancy (DAcc).
- Penawaran program baharu KPBL, Diploma Kaunseling Islam (DKI).
- KPBL diiktiraf oleh ACCA Global sebagai Pusat Pembelajaran Bertauliah berstatus GOLD.
- Kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa ke KPBL.
- Penawaran Kursus Asas Simpan Kira & Perakaunan Pengurusan Masjid Serta Penerangan Kesedaran Penubuhan Koperasi Siri 3/2022.
- Pelajar Diploma Pengurusan Industri Halal, KPBL muncul juara cabaran Kahf Global Apprentice Program 2022 dan mewakili Malaysia ke United Nations International Youth Week 2022.
- Penganugerahan AutoCount Excellent Education Partner Award.

Selain daripada itu, pada tahun 2022 KPBKL juga telah Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama beberapa buah agensi iaitu:-

- Multimedia University (MMU) – peluang pengajian, Bengkel, dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan bersama.
- Albukhary International University (AIU) - peluang pengajian, Bengkel, dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan bersama.
- Unitar International University (UNITAR) - Bengkel, Program Latihan, Projek Penyelidikan Dan Pembangunan Bersama, Pertukaran Kakitangan, Inovasi, dan lain-lain bidang kerjasama.

KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA MAIWP (UCMI)

AHLI LEMBAGA PENGARAH



1. YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman Bin Mahbob
Pengerusi Lembaga Pengarah
2. YBhg. Profesor Dr. Mohd Roslan
Bin Mohd Nor
Ahli Lembaga Pengarah
3. Ybrs. Encik Mohd Nizam Bin Haji Yahya
Ahli Lembaga Pengarah
4. YBhg. Profesor Emeritus Datuk IR
Dr. Mohd Azraai
Ahli Lembaga Pengarah
5. YBhg. Profesor Dr. Abdul Latiff
Bin Mohamed
Ahli Lembaga Pengarah
6. YBr. Dr. Mohd Fuad Bin Mohd Salleh
Ahli Lembaga Pengarah
7. YBr. Dr. Rosni Binti Adam
Ahli Lembaga Pengarah

Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS. Bermula pada tahun 1993 sebagai Pusat Latihan jururawat yang ditadbir oleh Hospital Pusrawi bagi melatih pembantu klinik dan jururawat. Pada tahun 1995, Pusat Latihan yang sebelum ini ditadbir oleh Hospital Pusrawi telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato Dr. Mohd Yusof Noor serta dijenamakan sebagai Sekolah Kejururawatan, Pusat Rawatan Islam. Penambahan pelajar dalam bidang kejururawatan pada masa itu telah memberi satu pendekatan yang efisien dan efektif dengan penjemaian semula nama pada tahun 1998 dengan nama Kolej Kejururawatan Pusrawi dengan menawarkan Diploma Kejururawatan. Pada tahun 2003, penubuhan Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd. merupakan badan keperluan kementerian dalam memantau Kolej Kejururawatan Pusrawi (KKP). Tahun 2008, pihak Anggun Mulia Sdn. Bhd. telah menyusun strategi dalam memasarkan Kolej Kejururawatan Pusrawi dengan meluas serta telah mendapatkan akreditasi penuh daripada MQA dan LJM bagi program Diploma Kejururawatan.

Dua tahun kemudian Kolej Kejururawatan Pusrawi telah ditukarkan kepada Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi (PICOMS) dengan menawarkan program-program sains kesihatan dimana pada masa itu Malaysia memerlukan kepakaran-kepakaran dalam bidang kesihatan. 2018, PICOMS telah dinaiktaraf kepada Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan melebarkan sayap dalam memperbanyakkan program-program yang menjadi permintaan di pasaran pada masa ini. Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) ini merupakan sebuah institut pendidikan tinggi swasta yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berperanan dalam membantu golongan yang memerlukan seperti golongan B40, Asnaf, Fakir dan Miskin serta Muaf dalam memastikan kelestarian pendidikan bagi golongan ini tidak tercicir daripada pendidikan. Pelbagai bidang program yang ditawarkan seperti kejururawatan, farmasi, sains kesihatan, makmal perubatan, pendidikan awal kanak-kanak dan banyak lagi menjadikan UCMI kini menggorak langkah ke arah pendidikan yang lebih intelektual serta bertaraf universiti waqaf.

PENCAPAIAN/PRESTASI SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2022

BIL	PERKARA
1.	<p>Pusat Keusahawanan : PICOMS TRADE & SERVICE CENTRE (PTSC)</p> <p>Melihat kepada potensi dan kebolehpasaran Pusat-pusat perkhidmatan kesihatan UCMI , Pengurusan UCMI telah menggabungkan kesemua pusat-pusat perkhidmatan kesihatan UCMI di bawah satu Pusat Perkhidmatan dan Penjagaan Kesihatan yang dinamakan “UCMI Healthcare Centre”.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Hemodialisis MAIWP-UCMI (terdapat 3 pusat iaitu di Batu Muda, Jalan Pahang dan di Cheras) • MEDICARE2U (Pusat Perkhidmatan Kesihatan Bergerak) <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pusat Fisioterapi & Rehabilitasi MAIWP-UCMI ▶ <i>Home Nursing Care MAIWP-UCMI</i> ▶ Perkhidmatan Ambulans • Farmasi MAIWP-UCMI
2.	<p>UCMI PROFESSIONAL CENTRE OF CONSULTANCY AND LIFELONG LEARNING (PROCELL)</p> <p>Merupakan pusat pembelajaran dan latihan yang berdaftar dengan Human Resource Development Corporation (HRDC) yang telah ditubuhkan pada 2021 dan bertanggungjawab mengembang dan memperkasakan kemahiran graduan bagi menyediakan peluang pendidikan tinggi selaras dengan lonjakan pembelajaran sepanjang hayat.</p> <p>Melalui PROCELL, UCMI telah berjaya menyediakan platform kerjaya melalui program persediaan kerjaya di:</p> <ul style="list-style-type: none"> • German Nursing Career • Japan professional Employment
3.	<p>PUSAT WAKAF MYRAHMAH</p> <p>Merupakan jalinan kerjasama antara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP bagi melaksanakan Wakaf Pendidikan MAIWP. Sejak penubuhan Pusat Wakaf MyRahmah dan TAWFEQ sehingga kini, ia telah berjaya mengumpulkan dana dan asset bernilai lebih RM1,000,000.00.</p> <p>Sepanjang tahun 2022, pelbagai usaha dan pencapaian utama telah dilakarkan oleh TAWFEQ antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjaya memperoleh dana wakalah daripada pelbagai syarikat perbankan dan agensi-agensi, seperti Maybank Islamic Berhad, Bank Muamalat, dan Etiqa yang berjumlah RM 280,000.00 • Berjaya memperoleh dana wakaf daripada Agrobank bagi pembelian mesin dialisis sebanyak RM 206,323.17 • TAWFEQ telah menyalurkan bantuan sebanyak RM 384,479.60 dengan menggunakan dana wakalah bagi tujuan kebajikan dan pendidikan para pelajar UCMI sepanjang tahun 2022 • Menjalinkan MOU dan kerjasama dengan rakan strategic seperti Kausar Wealth management, Chempaka Consulting, Entruss Ventures, Aqil Gisti dan lain-lain • Memberikan bantuan makanan kepada pelajar melalui program foodbank • Melaksanakan Potongan Gaji dimana sebilangan kakitangan UCMI telah mula berwakaf melalui potongan gaji.
4.	<p>KHIDMAT MASYARAKAT & TANGGUNG JAWAB SOSIAL</p> <p>UCMI sebagai sebuah entiti pendidikan dibawah MAIWP juga menjadi salah satu pemangkin dalam menjalankan program berteraskan khidmat masyarakat dan tanggung jawab social. Bagi tahun 2022, sejumlah 44 aktiviti berteraskan khidmat masyarakat telah dijalankan oleh pelajar yang melibatkan peruntukan kewangan lebih RM20,000.00.</p>

BIL

PERKARA

5. PENERAJU PENDIDIKAN DIGITAL

- Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) MOODLE
- Modul Pengurusan Sumber Manusia iaitu salah satu modul utama Sistem Pengurusan Kampus (CMS)
- Modul Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar yang merupakan salah satu modul utama di dalam Sistem Pengurusan Kampus(CMS)
- Sistem Aset UCMI untuk merekodkan aset dan inventori di UCMI

Menaiktaraf dan meningkatkat fasiliti ICT di UCMI

- Pemasangan Virtual Server Nutanix membolehkan UCMI melaksanakan Private Cloud dan semua aplikasi boleh di host oleh virtual server. Kapasiti 70TB sebagai storan yang besar dan bersesuaian untuk kegunaan UCMI
- Pengukuhan Keselamatan ICT dengan pembelian Firewall dan Core Switch di Kampus Batu Muda
- Peningkatan perkhidmatan telefon dari sistem PRI TM kepada Digital SIP Trunk dan menggunakan VOIP sepenuhnya.
- Pemasangan Internet Fiber Optik Metro-E sepenuhnya oleh TM dengan kelajuan 200 Mbps (DOME) di Kampus Batu Muda
- Menyediakan kemudahan komputer yang baharu kepada staf pentadbiran
- Menaiktaraf infrastruktur internet dan wifi di Kampus Bandar, UCMI, Jln Tangsi, Kuala Lumpur

MAIWP DAGANG SDN. BHD.



AHLI LEMBAGA PENGARAH

1. YBrs. Tuan Haji Zainal Abidin Bin Shaikh Zakaria (Pengerusi)
2. Encik Mohd Fauzi Bin Abidin
3. Datuk Dr. Hafsah Hashim

MAIWP Dagang Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 27 September 2011. Penubuhannya bermula dengan penubuhan Kedai MAIWP adalah sebahagian daripada usaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai salah satu medium perantaraan untuk usahawan asnaf memasarkan produk-produk mereka.


Mengikuti peredaran semasa pihak pengurusan Kedai MAIWP bersetuju untuk membuat penjenamaan semula Kedai MAIWP kepada MAIWP Mart yang kini mempunyai dua cawangan iaitu MAIWP Mart Presint 5 dan Presint 9 dan dalam proses pembukaan MAIWP Mart Labuan yang dijangka akan beroperasi pada bulan Julai 2023.

Selain daripada menguruskan MAIWP Mart, MAIWP Dagang Sdn Bhd juga ada menyediakan pelbagai perkhidmatan lain yang didapati dalam perolehan kerajaan dalam bidang tertentu seperti dalam pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.

PENCAPAIAN SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2022

- Pada akhir bulan Julai 2022 ibu pejabat MDSB telah berpindah ke lokasi yang lebih besar dan strategik (Dolomite Business Park) untuk menampung aktiviti syarikat yang semakin berkembang.
- Buat pertama kalinya pihak pengurusan telah berjaya menjalankan bengkel perancangan strategik serta makan malam untuk meraikan semua kakitangan syarikat pada bulan Ogos 2022.
- Syarikat juga berjaya meraih keuntungan untuk tiga tahun berturut-turut berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Hasil Jualan MAIWP Dagang Sdn Bhd Tahun 2018-2022



Kedai Rakyat MAIWP (KRM) telah ditukar kepada MAIWP Mart pada Julai 2022

MAIWP Mart Presint 5

KA-03 (Blok4) Apartment Fasa 5R6,
Jalan Presint 5, 62200 Putrajaya
No. Tel : 03-8893 5566

MAIWP Mart Presint 9

Aras Bawah, Blok B2, Pangsapuri Kerajaan Fasa 8
Jalan P9C Presint 9, 62250 Putrajaya
No. Tel : 03- 8861 8028

MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.



AHLI LEMBAGA PENGARAH


- | | |
|---|--------------------------------------|
| 1. Tan Sri Syed Zainal Abidin Bin Mohamad Tahir | 4. Abd Rahman Bin Hj Siraj |
| 2. Tan Sri Sulaiman Bin Mahbob | 5. Dato Sri Dr Zulharnain Bin Ismail |
| 3. Datuk Mohd Nizam Bin Yahya | 6. Dr Ibtisam Bt Mohamad Nor |
| | 7. Dr Najihatullsaleh Bt Hj Ahmad |

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (MHC) mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017. Terdapat 4 buah klinik yang diuruskan iaitu:

1. Klinik Jalan Sultan Azlan Shah
2. Klinik Taman Permata
3. Klinik Menara Felda
4. Klinik Bandar Baru Selayang

Sepanjang tahun 2022, seramai 33,906 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik-klinik tersebut dengan jumlah hasil jualan sebanyak RM7.5 juta.

III Perbandingan Pesakit MHC Tahun 2021 dan 2022 Mengikut Klinik



Selain itu, MHCSB telah merujuk kes pesakit kepada Hospital PUSRAWI pada tahun 2022 sebanyak 1,055 kes berbanding tahun 2021 sebanyak 1,139 kes. Secara tidak langsung, MHCSB telah membantu dan mempromosi peningkatan ekonomi dan jualan Hospital PUSRAWI.

KLINIK DI BAWAH PENGURUSAN MAIWP HEALTHCARE SDN BHD – 4 BUAH



Klinik PUSRAWI Bandar Baru Selayang



Klinik PUSRAWI Jalan Ipoh



Klinik PUSRAWI Taman Permata



Klinik PUSRAWI Menara Felda

KLINIK DI BAWAH PROGRAM LICENSING YANG BEROPERASI PADA TAHUN

2020



Klinik PUSRAWI Batu Muda



Klinik PUSRAWI Taman Samudera

2021



Klinik PUSRAWI Dengkil



Klinik PUSRAWI Amaniah

2022



Klinik PUSRAWI Rehab - Bandar Seri Putra



Klinik PUSRAWI ZD Medic - Klinik pusrawi - Seremban 2



Artemis Health - Klinik PUSRAWI - Eco Majestic



Klinik PUSRAWI SS15

YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

AHLI LEMBAGA PENGARAH

1. YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Bin Mohd Nor
2. YBrs. Mohd Nizam Bin Haji Yahya
3. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail
4. S.S Prof. Madya Datuk Dr. Luqman Bin Haji Abdullah
5. YBrs Tuan Haji Zainal Abidin Bin Shaikh Zakaria

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad telah diperbadankan di bawah akta Syarikat 1965 oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 20 Nov. 1990 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Maksud syarikat berhad menurut jaminan ini adalah ia ditubuhkan dengan prinsip liabiliti ahli-ahli adalah terhad dengan amaun yang dinyatakan dalam memorandum yang mana ahli-ahli berkenaan akan menyumbang amaun tersebut kepada aset syarikat sekiranya syarikat dibubarkan kelak.

Tujuan Yayasan membuat permohonan ini adalah untuk mendapatkan pelepasan cukai kepada penderma penderma Yayasan samada ia organisasi atau individu. Perkataan “BERHAD” ini telah diluluskan untuk digugurkan pada akhir nama Yayasan Taqwa pada 12 Jun 2008 kemudian ini disebut sebagai YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN.

Pelepasan Cukai


Setelah perkataan “BERHAD” digugurkan dari nama Yayasan Taqwa maka yayasan hendaklah mematuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965. Walaubagaimanapun permohonan kelulusan di bawah Subsekyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kerana Yayasan Taqwa adalah milik penuh MAIWP dimana MAIWP telah diberi pelepasan cukai di bawah Subsekyen 44(6).

TERAS UTAMA

 DAKWAH	 PENDIDIKAN	 KEBAJIKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama dengan Agensi Kerajaan/Swasta • Bantuan kepada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS • Program Dakwah Bil Hal (Program Orang Asli/ Bumiputera) • Ziarah Ukhwah • Bantuan Aktiviti Hari-hari Kebesaran Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Persekolahan • Bantuan Program Motivasi / Seminar Akademik • Bantuan Kapada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS 	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Kemanusiaan/ Kecemasan • Bantuan Perubatan (Pesakit Kronik) • Bantuan kepada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS

PENCAPAIAN DAN PRESTASI SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2022

Sebagai sebuah yayasan yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa (YT) telah membantu umat Islam di luar Wilayah Persekutuan menerusi empat teras.



PENUTUP

MAIWP akan terus gigih melaksanakan mandat yang telah diberikan dengan standard profesionalisme dan integriti yang tidak berbelah bahagi apatah lagi MAIWP merupakan sebuah agensi pengurusan Islam utama di Wilayah Persekutuan yang bernaung di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada kesempatan ini, saya mewakili pengurusan MAIWP mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dengan MAIWP menjayakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Semoga dengan inayah dan panduan Allah SWT, MAIWP akan terus gah melaksanakan tanggungjawab membangunkan sosio ekonomi ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Sekian, terima kasih.



MOHD NIZAM BIN HJ YAHYA

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

BARISAN PENGURUSAN





Mohd Nizam Bin Yahya
Pemangku Ketua
Pegawai Eksekutif



- 1. Ir Abd Karim Bin Mohamed @ Ismail**
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Hartanah
- 2. Zarina Binti Hamzah**
Unit Integriti
- 3. Ahmad Talmizi Bin Yahaya**
Bahagian Agihan Zakat
- 4. Wan Azira Binti Wan Salleh**
Bahagian Khidmat Pengurusan
- 5. Noor Fadzilah Binti Shafie**
Bahagian Kewangan Dan Pelaburan
- 6. Nor Azlina Binti Mohamad Salleh**
Bahagian Teknologi Maklumat
- 7. Wan Mohd Sanusi Bin Wan Mohd Noor**
Unit Undang-Undang
- 8. Aniza Binti Abdullah**
Unit Audit Dalam
- 9. Sutera Manis Binti Zamzam**
Unit Komunikasi Korporat
- 10. Ahmad Saifuddin Bin Hj Md Tahir @ Twahir**
Bahagian Pembangunan Asnaf
- 11. Farizah Binti Kamaruddin**
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
- 12. Affandey Bin Yaakub**
Bahagian Pembangunan Insan
- 13. Md Fadzli Bin Md Saad**
MAIWP Cawangan Labuan
- 14. Aspalela Binti Hassan**
MAIWP Cawangan Putrajaya

Mahadi Bin Sokarno
Timbalan Ketua
